



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 613

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Oktober 2008

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN
2001**

Tarikh Perkenan Diraja	25 Jun 2001
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	5 Julai 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 613

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KESALAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

4. Kesalahan pengubahan wang haram
5. Perlindungan pemberi maklumat dan maklumat
6. Sekatan ke atas pendedahan penzahiran di bawah seksyen 5

BAHAGIAN III

PERISIKAN KEWANGAN

7. Fungsi pihak berkuasa berwibawa
8. Peruntukan berhubung dengan pihak berkuasa berwibawa
9. Kebenaran untuk melepaskan maklumat
10. Penzahiran kepada pihak berkuasa yang bersamaan Negara asing
11. Penzahiran yang dilarang
12. Penzahiran yang dibenarkan

BAHAGIAN IV

OBLIGASI PELAPORAN

Seksyen

13. Penyimpanan rekod oleh institusi pelapor
14. Laporan oleh institusi pelapor
15. Pemusatan maklumat
16. Pengenalpastian pemegang akaun
17. Penyimpanan rekod
18. Pembukaan akaun atas nama palsu
19. Rancangan pematuhan
20. Obligasi kerahsiaan diatasi
21. Obligasi pihak berkuasa pengawasan atau pelesenan
22. Kuasa untuk menguatkuasakan pematuhan
23. Laporan mata wang di sempadan
24. Perlindungan bagi orang yang membuat laporan
25. Pemeriksaan ke atas institusi pelapor
26. Pemeriksaan ke atas orang selain institusi pelapor
27. Kehadiran di hadapan pemeriksa
28. Pemusnahan rekod pemeriksaan

BAHAGIAN V

PENYIASATAN

29. Penyiasatan oleh pihak berkuasa berwibawa dan agensi penguat kuasa
30. Pelantikan pegawai penyiasat
31. Kuasa pegawai penyiasat
32. Kuasa untuk memeriksa orang
33. Pemeriksaan ke atas seseorang
34. Halangan terhadap penjalanan kuasa oleh seorang pegawai penyiasat
35. Pemberian maklumat
36. Kehendak supaya menyediakan terjemahan
37. Penyerahan harta, rekod, laporan atau dokumen
38. Penyitaan harta, rekod, laporan atau dokumen
39. Pelepasan harta, rekod, laporan atau dokumen yang disita
40. Pernyataan boleh diterima

Seksyen

41. Pegawai penyiasat boleh menangkap tanpa waran
42. Orang yang ditangkap hendaklah diserahkan kepada pegawai polis
43. Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pekhidmat awam dan pegawai awam

BAHAGIAN VI

PEMBEKUAN, PENYITAAN DAN PELUCUTHAKAN

44. Pembekuan harta
45. Penyitaan harta alih
46. Peruntukan lanjut berhubung dengan penyitaan harta alih
47. Peguam bela dan peguam cara hendaklah menzahirkan maklumat
48. Kuasa menyiasat berhubung dengan sesuatu institusi kewangan
49. Kuasa Pendakwa Raya untuk memperoleh maklumat
50. Penyitaan harta alih dalam institusi kewangan
51. Penyitaan harta tak alih
52. Peruntukan khas berhubung dengan penyitaan perniagaan
53. Larangan berurusan dengan harta di luar Malaysia
54. Membuat urusan tentang harta selepas penyitaan adalah tidak sah
55. Pelucuthakan harta apabila ada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan
56. Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan
57. Kesahan pembekuan, penyitaan atau penjualan
58. Peletakhakan harta yang dilucuthakkan pada Kerajaan Persekutuan
59. Perintah kewangan
60. Pelepasan harta yang disita
61. Pihak ketiga yang suci hati
62. Pelupusan harta yang dilucuthakkan
63. Orang yang melarikan diri
64. Perintah pelucuthakan jika seseorang melarikan diri
65. Kesan kematian ke atas prosiding
66. Penyampaian dokumen kepada orang yang melarikan diri

BAHAGIAN VIA

PENUMPASAN KESALAHAN MEMBIAYAI KEGANASAN
DAN PEMBEKUAN, PENYITAAAN DAN PELUCUTHAKAN
HARTA PENGGANAS

Seksyen

- 66A. Tafsiran berhubung dengan Bahagian ini
- 66B. Pengisytiharan entiti ditentukan
- 66C. Perintah bagi melaksanakan langkah-langkah untuk menguatkuasakan resolusi Majlis Keselamatan
- 66D. Kuasa Menteri untuk mendapatkan maklumat
- 66E. Arahan dan garis panduan untuk menunaikan obligasi antarabangsa Kerajaan
- 66F. Kecualian bagi perintah yang dibuat di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

- 67. Pengesanan harta
- 68. Kuasa tambahan pihak berkuasa berwibawa dan agensi penguat kuasa
- 69. Ejen provokasi
- 70. Standard pembuktian
- 71. Kebolehterimaan keterangan dokumentar
- 72. Kebolehterimaan pernyataan oleh orang tertuduh
- 73. Kebolehterimaan pernyataan dan dokumen orang yang sudah mati atau tidak dapat dikesan, dsb.
- 74. Kebolehterimaan terjemahan dokumen
- 75. Keterangan tentang undang-undang yang bersamaan atau undang-undang asing
- 76. Bukti pensabitan dan pembebasan
- 77. Tanggung rugi
- 78. Penyampaian notis
- 79. Pemeliharaan kerahsiaan
- 80. Pengecualian
- 81. Pengubahsuaian
- 82. Bidang kuasa

Seksyen

83. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, dsb.
84. Peraturan
85. Pindaan Jadual
86. Kesalahan am
87. Kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang bertindak atas sifat rasmi
88. Kesalahan oleh individu
89. Pemalsuan, penyembunyian dan pemusnahan dokumen, dsb.
90. Kesalahan boleh tangkap
91. Pencantuman kesalahan
92. Kuasa pihak berkuasa berwajib untuk mengkompaun kesalahan
93. Pendakwaan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 613*****AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN
WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN 2001**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengubahan wang haram, langkah-langkah yang hendaklah diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan harta pengganas dan harta yang terlibat dalam, atau yang diperoleh daripada, pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan, dan bagi perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[15 Januari 2002, P.U. (B) 15/2002]

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan *Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana kesalahan berat, kesalahan berat asing atau aktiviti haram sama ada dilakukan sebelum atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana harta, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia.

*CATATAN—Sebelum ini disebut sebagai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001. Tajuk ringkas ditukar oleh seksyen 3 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 [Akta A1208] mula berkuat kuasa pada 6 Mac 2007—lihat P.U. (B) 66/2007.

(3) Tiada apa jua pun dalam Akta ini boleh mengenakan apa-apa kewajipan atau memberikan apa-apa kuasa ke atas mana-mana mahkamah di dalam atau berkaitan dengan apa-apa prosiding di bawah Akta ini terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan berat yang berkenaan dengannya dia telah disabitkan oleh suatu mahkamah sebelum tarikh permulaan kuat kuasa.

Tafsiran

3. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi penguat kuasa” termasuklah mana-mana badan atau agensi yang pada masa ini bertanggungjawab di Malaysia bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan mana-mana kesalahan berat;

“akaun” termasuklah rekod mengenai apa-apa transaksi kewangan yang dikendalikan oleh mana-mana institusi pelapor yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;

“aktiviti haram” ertinya apa-apa aktiviti yang berhubungan, secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing;

“Bank Negara Malaysia” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 [Akta 519];

“benda” termasuklah material;

“ditentukan” ertinya ditentukan secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara yang berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan dan untuk meminda apa-apa penentuan;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan sesuatu kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam peraturan itu bagi orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan;

“dokumen” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Keterangan 1950 [Akta 56];

“dokumen konstituen”, berhubung dengan sesuatu institusi, ertinya statut, piagam, memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan, kaedah-kaedah dan undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau surat cara lain, yang di bawahnya atau dengannya institusi itu ditubuhkan dan struktur pengelolaan dan pentadbirannya dan ruang lingkup fungsi dan perniagaannya dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

“hasil daripada aktiviti haram” ertinya mana-mana harta yang diperoleh atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang berbangkit daripada apa-apa aktiviti haram;

“harta” ertinya—

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperoleh; atau
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang menjadi keterangan tentang hakmilik atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuk kredit bank, cek kembara, cek bank, kiriman wang, syer, sekuriti, bon, draf dan surat kredit;

“harta pegganas” mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 130B Kanun Keseksaan [*Akta 574*];

“institusi kewangan” ertinya—

- (a) sesuatu institusi yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*], Akta Takaful 1984 [*Akta 312*], Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*], Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] dan Akta Pengurupan Wang 1998 [*Akta 577*];
- (b) seseorang yang dilesen di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*]; atau
- (c) sesuatu institusi kewangan luar pesisir;

“institusi kewangan luar pesisir” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 [*Akta 545*];

*CATATAN—Akta ini telah menggantikan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*] dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan [*Akta 499*] mula berkuat kuasa pada 28 September 2007 kecuali Penggal 2 Bahagian VI—lihat subseksyen 381(2) Akta 671 dan P.U. (B) 342/2007.

“institusi pelapor” ertinya mana-mana orang, termasuklah cawangan dan subsidiari di luar Malaysia orang itu, yang menjalankan apa-apa aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;

“kesalahan berat” ertinya—

- (a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan itu; atau
- (c) persubahatan mana-mana kesalahan itu;

“kesalahan berat asing” ertinya suatu kesalahan—

- (a) terhadap undang-undang sesuatu Negara asing yang dinyatakan dalam suatu perakuan yang berupa sebagai dikeluarkan oleh atau bagi pihak kerajaan Negara asing itu; dan
- (b) yang terdiri daripada atau termasuk perbuatan atau aktiviti yang, sekiranya ia berlaku di Malaysia, akan merupakan suatu kesalahan berat;

“kesalahan membiayai keganasan” ertinya mana-mana kesalahan di bawah seksyen 130N, 130O, 130P atau 130Q Kanun Keseksaan;

“klien” termasuklah pelanggan;

“Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan” ertinya pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996;

“material” termasuklah apa-apa buku, dokumen atau rekod lain dalam apa jua bentuk, dan apa-apa bekas atau artikel yang berhubungan dengannya;

“Menteri Dalam Negeri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“Menteri Kewangan” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“Negara asing” ertinya mana-mana negara atau wilayah di luar Malaysia;

“pengawal”, berhubung dengan sesuatu institusi, ertinya—

- (a) ketua pegawai eksekutif institusi itu atau pertubuhan perbadanan yang institusi itu merupakan subsidiari baginya;
- (b) seseorang, sama ada berseorangan atau dengan mana-mana sekutu—
 - (i) mempunyai kepentingan dalam satu pertiga daripada syer mengundinya atau lebih;
 - (ii) mempunyai kuasa untuk melantik, atau menyebabkan dilantik, majoriti daripada pengarahnya; atau
 - (iii) mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, atau menyebabkan keputusan dibuat, berkenaan dengan perniagaan atau pentadbirannya;

“pengubahan wang haram” ertinya perbuatan seseorang yang—

- (a) melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada apa-apa aktiviti haram;
- (b) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan, menggunakan, mengalihkan dari atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada apa-apa aktiviti haram; atau
- (c) merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada apa-apa aktiviti haram,

jika—

- (aa) sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada hal keadaan hakikat objektif, orang itu tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa harta itu ialah hasil daripada apa-apa aktiviti haram; atau
- (bb) berkenaan dengan kelakuan orang sebenar, orang itu tanpa alasan yang munasabah tidak mengambil

langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak harta itu ialah hasil daripada apa-apa aktiviti haram;

“pihak berkuasa berwibawa” ertinya orang yang dilantik di bawah subseksyen 7(1);

“premis” termasuklah—

- (a) sesuatu struktur (sama ada boleh alih atau tidak atau di luar pesisir atau tidak), bangunan, khemah, kenderaan, kenderaan air, hoverkraf atau pesawat terbang;
- (b) sesuatu tempat (sama ada dipagari atau tidak atau dibangunkan di atasnya atau tidak); dan
- (c) bahagian daripada mana-mana premis (termasuklah premis daripada jenis yang disebut dalam perenggan (a) atau (b));

“proses” ertinya apa-apa saman, waran, perintah atau dokumen lain berkenaan dengan sesuatu perkara jenayah yang dikeluarkan—

- (a) daripada mana-mana mahkamah; atau
- (b) daripada mana-mana mahkamah suatu Negara asing,

atau oleh mana-mana hakim, majistret atau pegawai mahkamah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“prosiding jenayah” ertinya perbicaraan terhadap seseorang bagi suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan termasuklah apa-apa prosiding bagi menentukan sama ada seseorang yang tertentu patut dibicarakan bagi kesalahan itu;

“saudara”, berhubung dengan seseorang, ertinya—

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; atau
- (d) mana-mana ibu bapa dan nenek moyang atau keturunan sezuriat orang itu;

“sekutu”, berhubung dengan seseorang, ertinya—

- (a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pegawai orang itu;
- (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- (c) mana-mana firma yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya atau orang yang bertanggungjawab baginya atau yang mengawal perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab baginya atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika—
 - (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah pada bila-bila masa tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu;

“Suruhanjaya Sekuriti” ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;

“transaksi” termasuklah suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain;

“urusan”, berhubung dengan mana-mana harta, termasuklah—

- (a) menerima atau memperoleh harta itu;
- (b) merahsiakan atau menyembunyikan harta itu (sama ada dengan merahsiakan atau menyembunyikan sifat, sumber, lokasi, pelupusan, pergerakan atau pemunyaannya atau apa-apa hak berkenaan dengannya atau selainnya);

- (c) melupuskan atau mengubah harta itu;
- (d) membawa harta itu ke dalam atau mengalihkan harta itu dari Malaysia;
- (e) menggunakan harta itu untuk meminjam wang, atau sebagai cagaran (sama ada melalui gadaian, gadai janji atau sandaran atau selainnya); atau
- (f) jika suatu hutang kena dibayar kepada orang yang memegang harta itu, membuat bayaran kepada mana-mana orang untuk mengurangkan amaun hutang itu.

(2) Bagi maksud Akta ini—

- (a) sesuatu sebutan tentang sesuatu Negara asing termasuklah sebutan tentang—
 - (i) sesuatu wilayah Negara asing itu; dan
 - (ii) sesuatu kapal atau pesawat terbang yang dipunyai atau yang didaftarkan di Negara asing itu; dan
- (b) sesuatu sebutan tentang undang-undang sesuatu Negara asing termasuklah sebutan tentang undang-undang yang sedang berkuat kuasa di mana-mana bahagian Negara asing itu.

BAHAGIAN II

KESALAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Kesalahan pengubahan wang haram

4. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) melibatkan diri, atau cuba untuk melibatkan diri dalam; atau
- (b) bersubahat dengan pelakuan,

pengubahan wang haram melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada terdapat suatu sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau suatu pendakwaan telah dimulakan bagi pelakuan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing.

Perlindungan pemberi maklumat dan maklumat

5. (1) Jika seseorang menzahirkan kepada suatu agensi penguat kuasa pengetahuan atau kepercayaannya bahawa apa-apa harta diperoleh daripada atau digunakan berkaitan dengan pengubahan wang haram atau apa-apa perkara yang padanya pengetahuan atau kepercayaan itu didasarkan—

- (a) jika orang itu melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar subseksyen 4(1) dan penzahiran itu berhubung dengan perkiraan yang berkenaan, orang itu tidak melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen itu jika penzahiran itu dibuat—
 - (i) sebelum orang itu melakukan perbuatan yang berkenaan, iaitu suatu perbuatan yang dilakukan dengan keizinan agensi penguat kuasa itu; atau
 - (ii) selepas orang itu melakukan perbuatan itu, tetapi penzahiran itu dilakukan atas inisiatifnya sendiri dan dengan seberapa segera yang munasabah bagi orang itu melakukannya;
- (b) walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, penzahiran itu tidak boleh dianggap sebagai pelanggaran apa-apa sekatan ke atas penzahiran maklumat yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang, kontrak atau kaedah-kaedah kelakuan profesional; dan
- (c) orang itu tidaklah bertanggunggan bagi ganti rugi bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada—
 - (i) penzahiran itu; atau
 - (ii) apa-apa perbuatan yang telah dilakukan atau ditinggalkan berhubung dengan harta itu berbangkit daripada penzahiran itu.

(2) Jika apa-apa maklumat berhubung dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini diterima oleh seorang pegawai pihak berkuasa berwajib atau institusi pelapor, maklumat dan identiti orang yang memberikan maklumat itu hendaklah menjadi rahsia antara pegawai itu dan orang itu dan segala yang terkandung dalam maklumat itu, identiti orang itu dan segala hal keadaan lain berhubung dengan maklumat itu, termasuk tempat maklumat itu telah diberikan, tidak boleh dizahirkan kecuali bagi maksud subseksyen 8(1) atau seksyen 14.

Sekatan ke atas pendedahan penzahiran di bawah seksyen 5

6. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seorang pun boleh—

- (a) mendedahkan bahawa suatu penzahiran telah dibuat di bawah seksyen 5;
- (b) mendedahkan identiti mana-mana orang sebagai orang yang membuat penzahiran itu; atau
- (c) menjawab apa-apa soalan sekiranya jawapan itu boleh membawa kepada atau berkemungkinan boleh membawa kepada pendedahan apa-apa fakta atau perkara yang disebut dalam perenggan (a) atau (b).

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah—

- (a) bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau subseksyen (3) seksyen ini; atau
- (b) jika mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak itu tanpa mendedahkan penzahiran itu atau identiti mana-mana orang sebagai orang yang membuat penzahiran itu.

(3) Tiada seorang pun boleh menerbitkan secara bertulis atau menyiarkan apa-apa maklumat, termasuk laporan tentang apa-apa prosiding sivil atau jenayah tetapi tidak termasuk maklumat yang diterbitkan bagi maksud perangkaan oleh pihak berkuasa berwajib atau Kerajaan, untuk mendedahkan atau menunjukkan—

- (a) bahawa suatu penzahiran telah dibuat di bawah seksyen 5; atau
- (b) identiti mana-mana orang sebagai orang yang membuat penzahiran itu.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai berkenaan dengan prosiding terhadap orang yang membuat penzahiran bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau subseksyen (1).

(5) Jika maklumat diterbitkan atau disiarkan dengan melanggar subseksyen (3), setiap orang yang berikut, iaitu—

- (a) dalam hal sesuatu penerbitan sebagai sebahagian daripada suatu surat khabar atau penerbitan berkala, mana-mana tuan punya, pengarang, penerbit dan pengedar surat khabar atau penerbitan majalah itu;
- (b) dalam hal sesuatu penerbitan selain sebagai sebahagian daripada suatu surat khabar atau penerbitan berkala, mana-mana orang yang menerbitkannya dan mana-mana orang yang mengedarkannya;
- (c) dalam hal sesuatu penyiaran, mana-mana orang yang menyiarkan maklumat itu dan, jika maklumat itu terkandung dalam suatu rancangan, mana-mana orang yang memancarkan atau membekalkan rancangan itu dan mana-mana orang yang mempunyai fungsi berhubung dengan rancangan itu yang bersamaan dengan fungsi pengarang sesuatu surat khabar atau penerbitan berkala,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(6) Dalam seksyen ini, “penyiaran” termasuklah mana-mana penyiaran melalui radio, filem, pita video, televisyen atau media elektronik.

BAHAGIAN III

PERISIKAN KEWANGAN

Fungsi pihak berkuasa berwibawa

7. *(1) Menteri Kewangan boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melantik seseorang untuk menjadi pihak berkuasa

*CATATAN—Bank Negara Malaysia dilantik sebagai pihak berkuasa berwibawa bagi maksud Akta ini mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2002—lihat P.U. (A) 19/2002.

berwibawa dan orang itu hendaklah mempunyai segala fungsi yang diberikan kepada pihak berkuasa berwibawa oleh Akta ini.

(2) Pihak berkuasa berwibawa boleh memberi kuasa mana-mana pegawainya atau mana-mana orang lain untuk melaksanakan mana-mana atau kesemua fungsinya atau memberikan bantuan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini sebagaimana yang boleh ditentukan olehnya.

Peruntukan berhubung dengan pihak berkuasa berwibawa

8. (1) Menteri Kewangan boleh, atas syor pihak berkuasa berwibawa yang hendaklah berunding dengan pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan bagi sesuatu institusi pelapor, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, *menggunakan mana-mana atau kesemua peruntukan Bahagian IV berkenaan dengan institusi pelapor itu.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, diisytiharkan bahawa pihak berkuasa berwibawa boleh menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini berkenaan dengan institusi pelapor yang menjalankan mana-mana atau kesemua aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan hendaklah—

- (a) menerima dan menganalisa maklumat dan laporan daripada mana-mana orang, termasuklah laporan yang dikeluarkan oleh institusi pelapor di bawah seksyen 14;
- (b) menghantar mana-mana laporan yang diterima di bawah perenggan (a) atau mana-mana maklumat yang didapati daripada mana-mana laporan itu kepada agensi penguat kuasa jika ia berpuas hati atau mempunyai sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa sesuatu transaksi melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau suatu kesalahan berat sedang, telah atau akan dilakukan; dan
- (c) menghantar apa-apa maklumat yang didapati daripada pemeriksaan yang dijalankan di bawah Bahagian IV kepada agensi penguat kuasa jika ia mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa sesuatu transaksi melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau suatu kesalahan berat sedang, telah atau akan dilakukan.

*CATATAN—Perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24 digunakan bagi institusi yang menjalankan perniagaan perbankan, perniagaan syarikat kewangan, perniagaan perdagangan perbankan dan perniagaan perbankan Islam mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2002—lihat P.U. (A) 20/2002.

- (3) Pihak berkuasa berwibawa boleh—
- (a) menyusun statistik dan rekod;
 - (b) memberikan arahan kepada sesuatu institusi pelapor berhubung dengan apa-apa laporan atau maklumat yang diterima di bawah seksyen 14;
 - (c) membuat syor kepada pihak berkuasa pengawasan, agensi penguat kuasa dan institusi pelapor yang berkaitan tentang perkara yang berbangkit daripada apa-apa laporan atau maklumat yang diterima di bawah subseksyen (2); dan
 - (d) mewujudkan keperluan latihan dan memberikan latihan untuk mana-mana institusi pelapor berkenaan dengan transaksi dan obligasi pelaporan dan penyimpanan rekod mereka di bawah Bahagian IV.

Kebenaran untuk melepaskan maklumat

9. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pihak berkuasa berwibawa boleh, secara bertulis, membenarkan mana-mana agensi penguat kuasa atau pegawainya yang ditentukan mendapat akses kepada maklumat yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa itu bagi maksud pelaksanaan fungsi agensi penguat kuasa itu.

(2) Berkenaan dengan mana-mana maklumat yang diterima daripada sesuatu institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan yang disenaraikan di bawah Bahagian II Jadual Pertama, pihak berkuasa berwibawa hendaklah membenarkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan atau pegawainya yang ditentukan untuk mendapat akses kepada maklumat itu.

(3) Pihak berkuasa berwibawa boleh, secara bertulis, membenarkan Peguam Negara atau pegawainya yang ditentukan mendapat akses kepada maklumat yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa itu bagi maksud menguruskan permintaan suatu Negara asing berhubung dengan bantuan bersama dalam perkara jenayah.

Penzahiran kepada pihak berkuasa yang bersamaan Negara asing

10. (1) Menteri boleh membuat perjanjian atau perkiraan, secara bertulis, dengan kerajaan sesuatu Negara asing mengenai

pertukaran, antara pihak berkuasa berwibawa dengan mana-mana pihak berkuasa yang bersamaan Negara asing itu, maklumat yang pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa yang bersamaan itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki akan berkaitan dengan penyiasatan atau pendakwaan sesuatu kesalahan pengubahan wang haram atau kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana satu kesalahan itu.

(2) Pihak berkuasa berwibawa boleh membuat perjanjian atau perkiraan, secara bertulis, dengan pihak berkuasa yang bersamaan suatu Negara asing mengenai pertukaran, antara pihak berkuasa berwibawa dengan pihak berkuasa yang bersamaan itu, maklumat yang pihak berkuasa berwibawa itu atau pihak berkuasa yang bersamaan itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki akan berkaitan dengan penyiasatan atau pendakwaan sesuatu kesalahan pengubahan wang haram atau kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana satu kesalahan itu.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang lain, pihak berkuasa berwibawa boleh menyampaikan apa-apa maklumat yang dilaporkan kepadanya di bawah seksyen 14 kepada pihak berkuasa yang bersamaan sesuatu Negara asing jika—

(a) pihak berkuasa berwibawa itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat itu akan berkaitan dengan penyiasatan atau pendakwaan sesuatu kesalahan pengubahan wang haram atau kesalahan membiayai keganasan atau sesuatu kesalahan yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana satu kesalahan itu; dan

(b) sama ada—

(i) Menteri telah, mengikut subseksyen (1), membuat perjanjian atau perkiraan dengan Negara asing itu berkenaan dengan pertukaran maklumat itu; atau

(ii) pihak berkuasa berwibawa telah, mengikut subseksyen (2), membuat perjanjian atau perkiraan dengan pihak berkuasa yang bersamaan itu berkenaan dengan pertukaran maklumat itu,

yang di bawah perjanjian atau perkiraan itu pihak berkuasa yang bersamaan Negara asing itu telah bersetuju untuk menyampaikan kepada pihak berkuasa berwibawa itu, atas

permintaan pihak berkuasa berwibawa itu, maklumat yang diterima oleh pihak berkuasa yang bersamaan itu yang bersamaan dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki supaya dilaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa itu di bawah seksyen 14; dan

- (c) pihak berkuasa berwibawa itu berpuas hati bahawa pihak berkuasa yang bersamaan itu telah memberikan aku janji yang berkenaan—
 - (i) bagi melindungi kerahsiaan apa-apa maklumat yang disampaikan kepadanya; dan
 - (ii) bagi mengawal penggunaan maklumat itu, termasuklah suatu aku janji bahawa maklumat itu tidak akan digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding lain.

(4) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah merekodkan secara bertulis sebab bagi semua keputusan yang dibuat di bawah perenggan (3)(a) untuk menyampaikan apa-apa maklumat.

(5) Dalam seksyen ini, “pihak berkuasa yang bersamaan”, berhubung dengan sesuatu Negara asing, ertinya pihak berkuasa Negara asing itu yang bertanggungjawab bagi menerima maklumat yang bersamaan dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki supaya dilaporkan kepada sesuatu pihak berkuasa berwibawa di bawah seksyen 14.

Penzahiran yang dilarang

11. Tertakluk kepada seksyen 12, tiada seorang pun yang telah mendapat maklumat daripada pihak berkuasa berwibawa di bawah Bahagian IV boleh—

- (a) semasa dia diberi kebenaran di bawah seksyen 9, menzahirkan atau menyampaikan maklumat itu kecuali kepada seorang pegawai lain yang diberi kebenaran di bawah seksyen itu, bagi maksud, atau berkaitan dengan, pelaksanaan tugasnya; dan
- (b) apabila dia tidak lagi diberi kebenaran di bawah seksyen 9, membuat rekod maklumat itu, atau menzahirkan atau menyampaikan maklumat itu dalam apa-apa hal keadaan.

Penzahiran yang dibenarkan

12. (1) Tiada apa jua dalam seksyen 11 boleh menghalang penyampaian maklumat pihak berkuasa berwibawa di bawah Bahagian ini berkenaan dengan sesuatu pendakwaan atau prosiding undang-undang berkaitan dengan pelakuan suatu kesalahan berat, suatu kesalahan berat asing, suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan.

(2) Tiada apa jua dalam seksyen 11 boleh menghalang penyampaian maklumat pihak berkuasa berwibawa di bawah Bahagian ini yang berkenaan dengan hal ehwal seseorang oleh orang yang diberi kebenaran di bawah seksyen 9 kepada—

- (a) jika orang itu bukan suatu syarikat, orang itu sendiri;
- (b) jika orang itu suatu syarikat—
 - (i) mana-mana orang yang merupakan, atau pernah menjadi, pengarah atau pegawai syarikat itu; atau
 - (ii) mana-mana orang yang sedang, atau telah terlibat secara langsung dalam, atau bertanggungjawab bagi, penyediaan maklumat yang diberikan bagi pihak syarikat itu; atau
- (c) orang yang memberikan maklumat itu kepada pihak berkuasa berwibawa itu.

(3) Tiada seorang pun yang kepadanya pihak berkuasa berwibawa atau orang yang diberi kebenaran di bawah seksyen 9 telah menyampaikan apa-apa maklumat di bawah Bahagian ini dan maklumat itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal orang itu boleh membuat rekod maklumat itu, atau menzahirkan atau menyampaikan maklumat itu kepada mana-mana orang dalam apa-apa hal keadaan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(5) Kecuali jika perlu untuk berbuat demikian bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini, seseorang yang mendapat maklumat daripada pihak berkuasa berwibawa di bawah Bahagian ini tidak

boleh dikehendaki supaya mengemukakan dalam mahkamah apa-apa dokumen yang mengandungi apa-apa maklumat itu atau untuk menzahirkan, atau menyampaikan kepada mana-mana mahkamah maklumat itu.

BAHAGIAN IV

OBLIGASI PELAPORAN

Penyimpanan rekod oleh institusi pelapor

13. (1) Sesuatu institusi pelapor hendaklah menyimpan suatu rekod mana-mana transaksi yang melibatkan mata wang tempatan atau mana-mana mata wang asing yang melebihi apa-apa jumlah yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib.

(2) Rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib.

(3) Rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah termasuk maklumat yang berikut bagi setiap transaksi:

- (a) identiti dan alamat orang yang atas namanya transaksi itu dijalankan;
- (b) identiti dan alamat benefisiari atau orang yang bagi pihaknya transaksi itu dijalankan, jika berkenaan;
- (c) identiti akaun yang terlibat dengan transaksi itu, jika ada;
- (d) jenis transaksi yang terlibat, seperti deposit, pengeluaran, pertukaran mata wang, penunaian cek, pembelian cek juruwang atau kiriman wang atau pembayaran atau pemindahan lain oleh, melalui, atau kepada institusi pelapor itu;
- (e) identiti institusi pelapor di mana transaksi itu berlaku; dan
- (f) tarikh, masa dan amaun transaksi itu,

dan hendaklah juga termasuk apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan secara bertulis oleh pihak berkuasa berwajib.

(4) Bagi maksud Bahagian ini, transaksi tunai berganda dalam mata wang tempatan atau mata wang asing yang, pada agregatnya melebihi amaun yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa menurut subseksyen (1) hendaklah dianggap sebagai suatu transaksi tunggal jika transaksi itu dijalankan oleh atau bagi pihak mana-mana satu orang dalam mana-mana satu hari atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.

Laporan oleh institusi pelapor

14. Sesuatu institusi pelapor hendaklah dengan segera melaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa apa-apa transaksi—

(a) yang melebihi apa-apa amaun yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa; dan

*(b) jika identiti orang yang terlibat, transaksi itu sendiri atau mana-mana hal keadaan lain berkenaan dengan transaksi itu memberi mana-mana pegawai atau pekerja institusi pelapor itu sebab untuk mengesyaki bahawa transaksi itu melibatkan hasil suatu aktiviti haram.

Pemusatan maklumat

15. Sesuatu institusi pelapor hendaklah mengadakan peruntukan bagi pemusatan maklumat yang dikumpul menurut Bahagian ini.

Pengenalpastian pemegang akaun

16. (1) Sesuatu institusi pelapor—

(a) hendaklah menyenggara akaun dalam nama pemegang akaun itu; dan

(b) tidak boleh membuka, menjalankan atau menyenggara mana-mana akaun tanpa nama atau mana-mana akaun atas nama rekaan, palsu atau tidak betul.

(2) Sesuatu institusi pelapor hendaklah—

(a) menentusahkan, dengan cara yang dapat dipercayai, identiti, sifat perwakilan, domisil, sifat di sisi undang-undang, pekerjaan atau tujuan perniagaan mana-mana orang, serta

*CATATAN—Digunakan menurut seksyen 8 Akta ini bagi institusi yang menjalankan perniagaan perbankan, perniagaan syarikat kewangan, perniagaan perdagangan perbankan dan perniagaan perbankan Islam mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2002—lihat P.U. (A) 20/2002.

juga maklumat pengenalpastian lain mengenai orang itu, sama ada dia seorang pelanggan sekali sekala atau lazim, melalui penggunaan dokumen seperti kad pengenalan, pasport, perakuan kelahiran, lesen memandu dan dokumen konstituen, atau dokumen rasmi atau persendirian lain, semasa menjalin atau menjalankan hubungan perniagaan, terutamanya apabila membuka akaun atau buku akaun baru, membuat apa-apa transaksi fidusiari, menyewa peti simpan selamat, atau menjalankan apa-apa transaksi tunai yang melebihi amaun yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib; dan

(b) memasukkan butir-butir itu dalam suatu rekod.

(3) Sesuatu institusi pelapor hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mendapatkan dan merekodkan maklumat mengenai identiti sebenar orang yang bagi pihaknya suatu akaun dibuka atau suatu transaksi dijalankan jika terdapat apa-apa keraguan bahawa mana-mana orang tidak bertindak bagi pihak dirinya sendiri, terutamanya dalam hal seseorang yang tidak menjalankan apa-apa operasi komersial, kewangan, atau perindustrian di dalam Negara asing tempat terletaknya ibu pejabat atau domisilinya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “orang” hendaklah termasuk mana-mana orang yang menjadi penama, ejen, benefisiari atau prinsipal berhubung dengan sesuatu transaksi.

Penyimpanan rekod

17. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan penyimpanan rekod, sesuatu institusi pelapor hendaklah menyenggara mana-mana rekod di bawah Bahagian ini selama tempoh yang tidak kurang daripada enam tahun dari tarikh akaun itu telah ditutup atau transaksi itu telah disempurnakan atau dihentikan.

(2) Sesuatu institusi pelapor hendaklah menyenggara rekod bagi membolehkan pembentukan semula apa-apa transaksi yang melebihi apa-apa amaun yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib, selama tempoh yang tidak kurang daripada enam tahun dari tarikh transaksi itu disempurnakan atau dibatalkan.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai jika sesuatu institusi pelapor telah menghantar rekod itu kepada pihak berkuasa berwibawa atau suatu agensi penguat kuasa.

(4) Mana-mana institusi pelapor yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pembukaan akaun atas nama palsu

18. (1) Tiada seorang pun boleh membuka, mengendalikan atau memberi kuasa pembukaan atau pengendalian sesuatu akaun dengan sesuatu institusi pelapor atas suatu nama rekaan, palsu atau tidak betul.

(2) Jika seseorang itu lazimnya dikenali dengan dua nama yang berbeza atau lebih, orang itu tidak boleh menggunakan mana-mana daripada nama itu dalam membuka akaun dengan sesuatu institusi pelapor melainkan jika orang itu sebelumnya telah menzahirkan nama atau nama-namanya yang lain itu kepada institusi pelapor itu.

(3) Jika seseorang yang menggunakan suatu nama tertentu dalam urusannya dengan sesuatu institusi pelapor menzahirkan kepadanya nama atau nama-nama yang berbeza yang dengannya dia lazimnya dikenali, institusi pelapor itu hendaklah membuat suatu rekod tentang penzahiran itu dan hendaklah, atas permintaan secara bertulis daripada pihak berkuasa berwibawa, memberi pihak berkuasa berwibawa itu satu salinan rekod itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) seseorang itu membuka suatu akaun atas nama palsu jika orang itu, dalam membuka akaun itu, atau dalam menjadi seorang penandatangani kepada akaun itu, menggunakan suatu nama selain nama yang dengannya dia lazimnya dikenali;

(b) seseorang itu mengendalikan suatu akaun atas nama palsu jika orang itu melakukan apa-apa perbuatan atau benda yang berhubung dengan akaun itu (sama ada dengan cara membuat suatu deposit atau pengeluaran atau menghubungi institusi pelapor yang berkenaan atau

selainnya) dan, dalam berbuat demikian, menggunakan suatu nama yang selain nama yang dengannya dia lazimnya dikenali; dan

- (c) suatu akaun adalah atas nama palsu jika akaun itu telah dibuka atas suatu nama palsu, sama ada sebelum atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Rancangan pematuhan

19. (1) Sesuatu institusi pelapor hendaklah menerima pakai, membangunkan dan melaksanakan rancangan, polisi, tatacara dan kawalan dalaman bagi mengelakkan dan mengesan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Rancangan dalam subseksyen (1) hendaklah termasuk—

- (a) pewujudan tatacara bagi memastikan tahap integriti yang tinggi bagi pekerjaannya dan suatu sistem untuk menilai sejarah peribadi, pekerjaan dan kewangan pekerja itu;
- (b) rancangan latihan pekerja secara berterusan, seperti rancangan “kenali pelanggan anda”, dan mengarahkan pekerja mengenai tanggungjawab yang ditentukan dalam seksyen 13, 14, 15, 16 dan 17; dan
- (c) suatu fungsi audit bebas bagi memeriksa pematuhan rancangan itu.

(3) Sesuatu institusi pelapor hendaklah melaksanakan rancangan pematuhan di bawah subseksyen (1) ke atas cawangan dan subsidiarinya di dalam dan di luar Malaysia.

(4) Sesuatu institusi pelapor hendaklah juga melantik pegawai pematuhan pada peringkat pengurusan dalam setiap cawangan dan subsidiari yang akan bertanggungjawab bagi pemakaian rancangan dan tatacara dalaman itu, termasuk penyenggaraan yang berpatutan bagi rekod dan pelaporan transaksi yang mencurigakan.

(5) Sesuatu institusi pelapor hendaklah membangunkan fungsi audit bagi menilai polisi, tatacara dan kawalan itu bagi menguji pematuhan langkah yang diambil oleh institusi pelapor itu bagi mematuhi peruntukan Akta ini dan keberkesanan langkah itu.

Obligasi kerahsiaan diatasi

***20.** Peruntukan Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa obligasi tentang kerahsiaan atau sekatan lain tentang penzahiran maklumat yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya.

Obligasi pihak berkuasa pengawasan atau pelesenan

21. (1) Pihak berkuasa pengawasan yang berkenaan bagi sesuatu institusi pelapor atau seseorang lain yang dianggap sesuai oleh pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan itu boleh—

- (a) mengambil langkah-langkah perlu bagi mencegah atau mengelak mana-mana orang yang tidak sesuai daripada mengawal, atau menyertai, secara langsung atau tidak langsung, dalam lembaga pengarah, pengurusan atau pengendalian institusi pelapor itu;
- (b) memeriksa dan mengawas institusi pelapor, dan mengawal selia dan menentusahkan, melalui pemeriksaan kerap, bahawa sesuatu institusi pelapor itu menerima pakai dan melaksanakan rancangan pematuhan dalam seksyen 19;
- (c) mengeluarkan garis panduan untuk membantu institusi pelapor dalam mengesan corak tabiat yang mencurigakan pada klien mereka dan garis panduan itu hendaklah dibangunkan dengan mengambil kira teknik pengurusan wang yang moden dan selamat dan akan bertindak sebagai suatu alat pendidikan bagi pekerja institusi pelapor; dan
- (d) bekerjasama dengan agensi penguat kuasa lain dan memberikan bantuan teknikal dalam mana-mana penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berhubung dengan mana-mana aktiviti haram atau kesalahan di bawah Akta ini.

**CATATAN*—Digunakan menurut seksyen 8 Akta ini bagi institusi yang menjalankan perniagaan perbankan, perniagaan syarikat kewangan, perniagaan perdagangan perbankan dan perniagaan perbankan Islam mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2002—lihat P.U. (A) 20/2002.

(2) Pihak berkuasa pelesenan bagi sesuatu institusi pelapor boleh, atas syor pihak berkuasa berwibawa, membatalkan atau menggantung lesen institusi pelapor itu jika institusi pelapor itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan hendaklah melaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa berwibawa apa-apa maklumat yang diterima daripada mana-mana institusi pelapor berhubung dengan transaksi atau aktiviti yang mungkin ada hubungan dengan mana-mana aktiviti haram atau kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk menguatkuasakan pematuhan

22. (1) Seseorang pegawai sesuatu institusi pelapor hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa institusi pelapor itu mematuhi obligasinya di bawah Bahagian ini.

(2) Pihak berkuasa berwibawa, apabila dipohon kepada Mahkamah Tinggi dan memuaskan Mahkamah itu bahawa sesuatu institusi pelapor itu telah gagal tanpa alasan yang munasabah untuk mematuhi keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasi dalam Akta ini, hendaklah mendapat suatu perintah terhadap mana-mana atau kesemua pegawai atau pekerja institusi pelapor itu atas terma sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Mahkamah untuk menguatkuasakan pematuhan dengan obligasi itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pihak berkuasa berwibawa boleh mengarahkan atau membuat perjanjian dengan sesuatu institusi pelapor yang telah tanpa alasan munasabah tidak mematuhi sepenuhnya atau sebahagiannya mana-mana obligasi dalam Bahagian ini bagi melaksanakan apa-apa rancangan tindakan untuk memastikan pematuhan obligasinya di bawah Bahagian ini.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau tidak mematuhi sesuatu arahan di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi

satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Laporan mata wang di sempadan

23. (1) Seseorang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dengan suatu amaun wang tunai atau instrumen pembawa boleh niaga atau kedua-duanya, yang melebihi apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwajib melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, hendaklah mengisytiharkan kepada pihak berkuasa berwajib itu apa-apa amaun dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Walau apa pun Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*] dan Akta Bank Negara Malaysia 1958, Pengawal Pertukaran Mata Wang Asing hendaklah mempunyai kuasa untuk mengemukakan kepada pihak berkuasa berwajib maklumat yang diterima di bawah seksyen 24 atau 25 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

(4) Apa-apa perisytiharan yang perlu dibuat atau diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi maksud Akta Kastam 1967 [*Akta 235*] disifatkan sebagai suatu perisytiharan dalam suatu perkara berhubung dengan kastam.

Perlindungan bagi orang yang membuat laporan

***24.** (1) Tiada prosiding sivil, jenayah atau tatatertib boleh dibawa terhadap seseorang yang—

- (a) menzahirkan atau membekalkan apa-apa maklumat dalam apa-apa laporan yang dibuat di bawah Bahagian ini; atau

*CATATAN—Digunakan menurut seksyen 8 Akta ini bagi institusi yang menjalankan perniagaan perbankan, perniagaan syarikat kewangan, perniagaan perdagangan perbankan dan perniagaan perbankan Islam mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2002—lihat P.U. (A) 20/2002.

- (b) membekalkan apa-apa maklumat berkaitan dengan laporan sedemikian, sama ada pada masa laporan itu dibuat atau selepasnya;

berkenaan dengan—

- (aa) penzahiran atau pembekalan, atau cara penzahiran atau pembekalan, oleh orang itu, maklumat yang disebut dalam perenggan (a) atau (b); atau
- (bb) apa-apa akibat berikutan daripada penzahiran atau pembekalan maklumat itu,

melainkan jika maklumat itu telah dizahirkan atau dibekalkan dengan niat jahat.

(2) Dalam prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Bahagian ini, menjadi suatu pembelaan bagi orang itu jika dia menunjukkan bahawa dia telah mengambil segala langkah munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar bagi mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

Pemeriksaan ke atas institusi pelapor

25. (1) Bagi maksud mengawasi pematuhan sesuatu institusi pelapor dengan Bahagian ini, pihak berkuasa berwajib boleh memberi kuasa seseorang pemeriksa untuk memeriksa—

- (a) mana-mana rekod atau laporan institusi pelapor itu yang berhubungan dengan obligasinya di bawah Bahagian ini, yang disimpan di, atau dapat dicapai dari, premis institusi pelapor itu; dan
- (b) apa-apa sistem yang digunakan oleh institusi pelapor itu di premisnya bagi menyimpan rekod atau laporan itu.

(2) Dalam menjalankan pemeriksaan di bawah subseksyen (1), pemeriksa itu boleh—

- (a) menanyakan apa-apa soalan berhubungan dengan apa-apa rekod, sistem atau laporan sesuatu institusi pelapor; dan
- (b) membuat apa-apa catatan atau mengambil apa-apa salinan keseluruhan atau sebahagian daripada transaksi perniagaan institusi pelapor itu.

Pemeriksaan ke atas orang selain institusi pelapor

26. (1) Pemeriksa yang diberi kuasa di bawah seksyen 25 boleh memeriksa—

- (a) seseorang yang, atau pernah pada bila-bila masa, menjadi pengarah atau pegawai sesuatu institusi pelapor atau ejennya;
- (b) seseorang yang, atau pernah pada bila-bila masa, menjadi klien, atau selainnya mempunyai urusan dengan sesuatu institusi pelapor; atau
- (c) seseorang yang dia percaya tahu tentang fakta dan hal keadaan hal itu, termasuk seseorang juruaudit atau seseorang peguam bela dan peguam cara sesuatu institusi pelapor,

dan orang itu hendaklah memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh pemeriksa itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pemeriksa itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, seseorang ejen, termasuk seseorang juruaudit atau seseorang peguam bela dan peguam cara sesuatu institusi pelapor, tidak bertanggungjawab bagi kemungkinan sesuatu kontrak yang berhubungan dengan, atau sesuatu kewajipan, kerahsiaan kerana memberikan apa-apa dokumen atau maklumat kepada pemeriksa itu.

Kehadiran di hadapan pemeriksa

27. (1) Seseorang pengarah atau seseorang pegawai sesuatu institusi pelapor yang diperiksa di bawah subseksyen 25(1), atau seseorang yang diperiksa di bawah subseksyen 26(1), hendaklah hadir di hadapan pemeriksa itu di pejabatnya apabila dipanggil untuk berbuat demikian oleh pemeriksa itu pada bila-bila masa yang ditentukan oleh pemeriksa itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Pemusnahan rekod pemeriksaan

28. Pihak berkuasa berwibawa boleh memusnahkan apa-apa dokumen atau salinan dokumen itu yang dibuat atau diambil menurut suatu pemeriksaan di bawah seksyen 25 dan 26 dalam masa enam tahun dari pemeriksaan itu kecuali jika suatu salinan daripada dokumen itu telah dihantar kepada suatu agensi penguat kuasa.

BAHAGIAN V

PENYIASATAN

Penyiasatan oleh pihak berkuasa berwibawa dan agensi penguat kuasa

29. (1) Jika—

- (a) pihak berkuasa berwibawa mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan suatu kesalahan di bawah Bahagian III atau IV; atau
- (b) suatu agensi penguat kuasa yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang di bawahnya suatu kesalahan berat yang berkaitan dilakukan mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan suatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini,

pihak berkuasa berwibawa itu atau agensi penguat kuasa yang berkaitan hendaklah menyebabkan suatu penyiasatan dibuat dan bagi maksud itu boleh menjalankan semua kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

(2) Pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh

mengarahkan mana-mana orang supaya mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memudahkan penyiasatan di bawah subseksyen (1).

(3) Pihak berkuasa berwibawa dan agensi penguat kuasa yang berkaitan hendaklah menyelaraskan dan bekerjasama dengan mana-mana agensi penguat kuasa lain di dalam dan di luar Malaysia, berkenaan dengan penyiasatan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelantikan pegawai penyiasat

30. (1) Bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Bahagian ini, pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh melantik pekerja atau mana-mana orang lain untuk menjadi pegawai penyiasat.

(2) Seseorang pegawai penyiasat yang bukan pekerja pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, hendaklah tertakluk kepada, dan menikmati hak, perlindungan dan tanggung rugi sebagaimana yang ditentukan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai bagi pekerja pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Seorang pegawai penyiasat hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, yang telah memberi kuasa kepadanya untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kuasa pegawai penyiasat

31. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat berpuas hati, atau mempunyai sebab untuk mengesyaki, bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh tanpa suatu waran geledah—

- (a) memasuki mana-mana premis yang dipunyai oleh atau di dalam pemilikan atau kawalan orang itu atau pekerjaannya, dan dalam hal suatu badan korporat, pengarah atau pengurusnya;

- (b) menggeledah premis itu untuk apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen;
- (c) memeriksa, membuat salinan atau mengambil petikan daripada mana-mana rekod, laporan atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian;
- (d) mengambil milik, dan mengalihkan dari premis itu, apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian dan menahannya selama apa-apa tempoh yang disifatkannya perlu;
- (e) memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam, atau di premis itu, jika pegawai penyiasat itu mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa orang itu mempunyai pada dirinya apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen, termasuklah dokumen persendirian, yang perlu, pada pendapat pegawai penyiasat itu, bagi maksud penyiasatan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (f) memecah buka, memeriksa dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau wadah; atau
- (g) memberhentikan, menahan atau memeriksa apa-apa kenderaan.

(2) Seseorang pegawai penyiasat boleh jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis atau kenderaan itu dan memasuki premis atau kenderaan itu;
- (b) memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan terhadap kemasukan, pengeledahan, penyitaan, penahanan atau pengalihan itu sebagaimana dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di premis itu, atau di dalam kenderaan itu, sehingga pengeledahan itu selesai.

(3) Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik, dan menahan selama apa-apa jangka masa yang difikirkannya perlu, apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dikemukakan kepadanya dalam perjalanan urusan penyiasatannya atau didapati pada orang yang sedang diperiksa olehnya.

(4) Seseorang pegawai penyiasat, semasa menjalankan penyiasatan atau pemeriksaannya, hendaklah—

- (a) menyediakan dan menandatangani suatu senarai tiap-tiap harta, rekod, laporan atau dokumen yang disita; dan
- (b) menyatakan dalam senarai itu lokasi di mana, atau orang yang padanya, harta, rekod, laporan atau dokumen itu dijumpai.

(5) Penghuni premis yang dimasuki dalam penyiasatan, atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah hadir semasa penggeledahan itu, dan suatu salinan senarai yang disediakan di bawah subseksyen (4) hendaklah diserahkan kepada orang itu atas permintaannya.

Kuasa untuk memeriksa orang

32. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis, atau sumpah, aku janji atau kehendak kerahsiaan atau penyimpanan rahsia yang berlawanan, atau sesuatu obligasi di bawah sesuatu perjanjian atau perkiraan, yang nyata atau tersirat, yang berlawanan, seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan suatu penyiasatan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah atau ikrar bagi orang yang diperiksa itu.

(2) Seseorang pegawai penyiasat boleh memerintahkan, secara lisan atau bertulis, mana-mana orang yang dipercayainya mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu—

- (a) hadir di hadapannya bagi pemeriksaan;
- (b) mengemukakan di hadapannya apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen; atau
- (c) memberinya pernyataan bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar yang menyatakan apa-apa maklumat yang dikehendaknya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(4) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (2) terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang ditujukan kepadanya, tetapi dia boleh enggan untuk menjawab apa-apa soalan yang mempunyai kecenderungan untuk mendedharkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(5) Orang yang membuat pernyataan di bawah perenggan (2) (c) terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat kesemuanya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan pegawai penyiasat itu.

(6) Seseorang pegawai penyiasat yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (2) hendaklah memberitahu orang itu terlebih dahulu mengenai peruntukan subseksyen (4) dan (5).

(7) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah perenggan (2)(a) hendaklah diubah ke dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya—

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedahan yang dia mahu.

(8) Mana-mana orang yang—

- (a) tidak hadir di hadapan seseorang pegawai penyiasat sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (2) (a);
- (b) enggan menjawab apa-apa soalan yang ditujukan kepadanya oleh seseorang pegawai penyiasat di bawah subseksyen (4); atau
- (c) memberi seseorang pegawai penyiasat apa-apa maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir matan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal

kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Pemeriksaan ke atas seseorang

33. (1) Seseorang pegawai penyiasat yang memeriksa mana-mana orang di bawah perenggan 31(1)(e) boleh menahan orang itu selama apa-apa tempoh yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan itu, yang hendaklah tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi dua puluh empat jam tanpa kebenaran seorang majistret, dan boleh, jika perlu, memindahkan orang dalam jagaan ke mana-mana tempat lain untuk memudahkan pemeriksaan itu.

(2) Tiada seorang pun boleh diperiksa di bawah Bahagian ini kecuali oleh seorang pegawai penyiasat yang sama jantinya dengan orang yang diperiksa itu dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Halangan terhadap perjalanan kuasa oleh seorang pegawai penyiasat

34. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberi mana-mana pegawai penyiasat akses kepada mana-mana premis atau enggan membenarkan dirinya diperiksa;
- (b) mengamang, menghalang, menggalang atau melambatkan seseorang pegawai penyiasat masuk sedangkan dia berhak untuk masuk;
- (c) tidak mematuhi apa-apa permintaan sah mana-mana pegawai penyiasat dalam melaksanakan kewajibannya di bawah Bahagian ini;
- (d) enggan memberi seseorang pegawai penyiasat apa-apa harta, dokumen atau maklumat yang mungkin semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia mempunyai kuasa untuk memberikannya;
- (e) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada, seseorang pegawai penyiasat, apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dikehendaki oleh seseorang pegawai penyiasat;

- (f) menyelamatkan atau cuba untuk menyelamatkan apa-apa benda yang telah disita dengan sewajarnya;
- (g) memberi seorang pegawai penyiasat sebagai benar maklumat yang dia tahu atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya adalah palsu; atau
- (h) sebelum atau selepas apa-apa penggeledahan atau penyitaan, memecahkan atau selainnya memusnahkan apa-apa benda untuk menghalang penyitaannya, atau pengambilan harta, rekod, laporan atau dokumen itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Pemberian maklumat

35. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seseorang pegawai penyiasat sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang pegawai penyiasat di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau mana-mana perkara lain yang mungkin menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikan suatu kesalahan jika seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada kliennya atau wakil kliennya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada klien itu dalam menjalankan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, mana-mana prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk mencapai apa-apa maksud yang salah di sisi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, adalah suatu pembelaan jika dibuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) itu mungkin menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau alasan munasabah untuk membuat penzahiran itu.

(5) Seseorang pegawai penyiasat atau orang lain tidak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa jua yang telah dilakukan olehnya semasa bertindak berkaitan dengan penguatkuasaan, atau cadangan penguatkuasaan, apa-apa peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berhubung dengan suatu kesalahan berat.

Kehendak supaya menyediakan terjemahan

36. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat menjumpai, menyita, menahan atau mengambil milik apa-apa harta, laporan, rekod atau dokumen yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, atau dalam apa-apa isyarat atau kod, pegawai penyiasat itu boleh, secara lisan atau bertulis, menghendaki orang yang memiliki, menjaga atau

mengawal harta, rekod, laporan atau dokumen itu supaya memberi pegawai penyiasat itu suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pegawai penyiasat itu.

(2) Tiada seorang pun dengan disedarinya boleh mengemukakan terjemahan di bawah subseksyen (1) yang bukan suatu terjemahan dokumen itu yang tepat, benar dan betul.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak dalam subseksyen (1) atau melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(4) Jika orang yang dikehendaki supaya memberikan terjemahan di bawah subseksyen (1) bukan orang yang disyaki telah melakukan kesalahan, pihak berkuasa berwajib atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membayarnya fi yang munasabah dan membayar balik kepada orang itu apa-apa belanja yang munasabah yang telah dilakukan olehnya pada memberikan terjemahan itu.

Penyerahan harta, rekod, laporan atau dokumen

37. (1) Seseorang pegawai penyiasat boleh, melalui suatu notis bertulis, menghendaki mana-mana orang menyerahkan kepadanya apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dia mempunyai sebab untuk mengesyaki telah digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau boleh membantu dalam penyiasatan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang berada dalam milikan atau jagaan atau di bawah kawalan orang itu atau yang orang itu mempunyai kuasa untuk memberikannya.

(2) Seseorang pegawai penyiasat boleh memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk memeriksa harta, rekod, laporan atau dokumen yang ditahan atau diambil milik oleh pegawai penyiasat itu di bawah subseksyen (1) jika orang itu berhak untuk memeriksa harta, rekod, laporan atau dokumen itu di bawah Akta ini.

(3) Seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dikehendaki oleh seseorang pegawai penyiasat; atau
- (b) menghalang atau menggalang seseorang pegawai penyiasat semasa menjalankan apa-apa kuasanya di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Penyitaan harta, rekod, laporan atau dokumen

38. Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik dan menyimpan selama tempoh yang difikirkannya perlu, apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dikemukakan di hadapannya dalam pemeriksaan di bawah perenggan 32(2)(a) atau (b), atau pemeriksaan seseorang di bawah subseksyen 33(1), untuk memastikan sama ada apa-apa jua yang berkaitan dengan penyiasatan itu disembunyikan, atau selainnya, pada diri orang itu.

Pelepasan harta, rekod, laporan atau dokumen yang disita

39. (1) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah—

- (a) pada akhir sesuatu penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripada penyiasatan itu; atau
- (b) dengan keizinan bertulis terdahulu daripada pihak berkuasa berkaitan atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mana-mana pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, pada bila-bila masa sebelum sesuatu penyiasatan tamat,

melepaskan apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang disita, ditahan atau dipindahkan olehnya atau mana-mana pegawai penyiasat lain, kepada mana-mana orang yang ditentukan olehnya berhak di sisi undang-undang terhadap harta, rekod, laporan atau dokumen itu jika dia berpuas hati bahawa harta, rekod, laporan atau dokumen itu tidak diperlukan bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Pegawai penyiasat yang melaksanakan pelepasan di bawah subseksyen (1) hendaklah merekodkan secara bertulis hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan itu.

(3) Jika seseorang pegawai penyiasat tidak dapat menentukan orang yang di sisi undang-undang berhak kepada harta, rekod, laporan atau dokumen itu atau jika terdapat lebih daripada seorang yang menuntut harta, rekod, laporan atau dokumen itu, atau jika pegawai penyiasat itu tidak dapat mengesan orang di bawah subseksyen (1) yang berhak di sisi undang-undang kepada harta, rekod, laporan atau dokumen itu, pegawai penyiasat itu hendaklah melaporkan perkara itu kepada seorang majistret yang hendaklah kemudiannya menguruskan harta, rekod, laporan atau dokumen itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 413(2), (3) dan (4) dan seksyen 414, 415 dan 416 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Pernyataan boleh diterima

40. Rekod sesuatu pemeriksaan di bawah perenggan 32(2)(a), apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dikemukakan di bawah perenggan 32(2)(b) atau apa-apa pernyataan di bawah perenggan 32(2)(c) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah bagi, atau berhubung dengan, sesuatu kesalahan atau mana-mana perkara lain di bawah Akta ini atau apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang sedang diperiksa itu, atau yang mengemukakan harta, rekod, laporan atau dokumen itu, atau yang membuat pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar, atau terhadap mana-mana orang lain.

Pegawai penyiasat boleh menangkap tanpa waran

41. Seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 30 boleh menangkap tanpa waran seseorang yang dia secara munasabah mengesyaki telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Orang yang ditangkap hendaklah diserahkan kepada pegawai polis

42. Seorang pegawai penyiasat, selain seorang pegawai polis, yang membuat tangkapan di bawah seksyen 41 hendaklah menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada pegawai polis yang paling hampir atau, dalam ketiadaan pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan orang yang ditangkap itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pekhidmat awam dan pegawai awam

43. Seseorang pegawai penyiasat hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574] dan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah.

BAHAGIAN VI**PEMBEKUAN, PENYITANAN DAN PELUCUTHAKAN****Pembekuan harta**

44. (1) Tertakluk kepada seksyen 50, jika sesuatu agensi penguat kuasa, yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang di bawahnya suatu kesalahan berat telah dilakukan, mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan telah, sedang atau akan dilakukan oleh mana-mana orang, ia boleh mengeluarkan suatu perintah membekukan mana-mana harta orang itu atau mana-mana harta

pengganas, mengikut mana-mana yang berkenaan, walau di mana jua harta itu berada, atau dalam milikannya, di bawah kawalannya atau perlu dibayar daripada apa-apa sumber kepadanya.

(2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh termasuk—

- (a) suatu perintah untuk mengarahkan supaya harta, atau mana-mana bahagian harta itu yang ditentukan dalam perintah itu, tidak dilupuskan, atau selainnya diperlakukan, oleh mana-mana orang, kecuali mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa hal keadaan, jika ada, yang ditentukan dalam perintah itu; dan
- (b) suatu perintah bagi memberi kuasa mana-mana pegawainya untuk mengambil jagaan dan kawalan harta itu, atau mana-mana bahagian harta itu yang ditentukan dalam perintah itu jika agensi penguat kuasa itu berpuas hati bahawa hal keadaan itu memerlukan yang sedemikian.

(3) Agensi penguat kuasa itu dalam membuat perintah di bawah subseksyen (1) boleh memberikan arahan kepada orang yang dinamakan atau diperihalkan dalam perintah itu tentang—

- (a) tempoh perintah itu;
- (b) pelupusan harta itu, bagi maksud—
 - (i) menentukan apa-apa pertikaian tentang pemunyaan, atau kepentingan lain mengenai harta itu atau mana-mana bahagiannya;
 - (ii) pentadbirannya yang patut dalam tempoh perintah itu;
 - (iii) pembayaran hutang yang dilakukan dengan suci hati yang kena dibayar kepada pemiutang sebelum perintah itu;
 - (iv) pembayaran wang kepada orang itu bagi sara hidup yang munasabah oleh orang itu dan keluarganya; atau
 - (v) pembayaran kos orang itu bagi membela dirinya dalam prosiding jenayah terhadapnya; atau
- (c) cara harta tersebut sepatutnya ditadbirkan atau diuruskan.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengarahkan supaya orang yang dinamakan atau diperihalkan dalam perintah itu—

- (a) dilarang, sama ada oleh dirinya sendiri atau oleh penama, saudara, pekerja atau ejennya, menjual, melupuskan, menggadaikan, menyandarkan, memindahkan hakmilik atau selainnya memperlakukan atau menghabiskan hartanya;
- (b) tidak memindahkan dari atau menghantar keluar dari Malaysia apa-apa wang atau hartanya; dan
- (c) tidak meninggalkan atau dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia dan hendaklah menyerahkan mana-mana dokumen perjalanan kepada Ketua Pengarah Imigresen dalam masa satu minggu dari penyiaran perintah itu.

(5) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah terhenti berkuat kuasa selepas sembilan puluh hari dari tarikh perintah itu, jika orang yang terhadapnya perintah itu telah dibuat tidak dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau suatu kesalahan membiayai keganasan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Sesuatu agensi penguat kuasa tidak bertanggung bagi apa-apa ganti rugi atau kos yang berbangkit secara langsung atau tidak langsung daripada pembuatan sesuatu perintah di bawah seksyen ini kecuali jika dapat dibuktikan bahawa perintah di bawah subseksyen (1) itu telah tidak dibuat dengan suci hati.

(7) Jika sesuatu agensi penguat kuasa mengarahkan supaya harta yang telah dibekukan ditadbirkan dan diurus, orang yang telah dipertanggung dengan pentadbiran harta itu tidak bertanggung bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan harta itu atau bagi kos prosiding yang diambil untuk membuktikan suatu tuntutan ke atas harta itu atau suatu kepentingan mengenai harta itu melainkan jika mahkamah yang di hadapannya tuntutan itu dibuat mendapati bahawa orang yang dipertanggung dengan pentadbiran harta itu cuai berkenaan dengan pentadbiran harta itu.

Penyitaan harta alih

45. (1) Semasa menjalankan penyiasatan tentang sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai

keganasan, seseorang pegawai penyiasat boleh, setelah mendapat kelulusan daripada seorang pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, menyita apa-apa harta alih yang dia mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki merupakan hal perkara kesalahan itu atau keterangan berhubung dengan kesalahan itu atau merupakan harta penganas.

(2) Suatu senarai semua harta alih yang disita menurut subseksyen (1) dan tempat harta itu telah masing-masingnya dijumpai hendaklah disediakan oleh pegawai penyiasat yang melaksanakan penyitaan itu dan ditandatangani olehnya.

(3) Suatu salinan senarai yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disampaikan dengan secepat mungkin kepada pemunya harta itu atau kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita.

(4) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana harta alih yang boleh disita di bawah subseksyen (2) yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan sesuatu institusi kewangan.

Peruntukan lanjut berhubung dengan penyitaan harta alih

46. (1) Jika apa-apa harta alih telah disita di bawah Akta ini, penyitaan itu hendaklah dilaksanakan dengan memindahkan harta alih itu daripada milikan, jagaan atau kawalan orang yang daripadanya harta itu telah disita dan meletakkannya di bawah jagaan mana-mana orang dan di mana-mana tempat, yang ditentukan oleh pegawai penyiasat itu.

(2) Jika tidak dapat dilaksanakan, atau selainnya tidak wajar, untuk memindahkan apa-apa harta alih di bawah subseksyen (1), pegawai penyiasat itu boleh meninggalkannya di premis tempat harta itu disita di bawah jagaan mana-mana orang yang ditentukan olehnya bagi maksud itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana harta alih, termasuk mana-mana harta alih yang disebut dalam subseksyen (6), telah disita di bawah Akta ini, seseorang pegawai penyiasat, selain pegawai penyiasat yang melaksanakan penyitaan itu, setelah

mendapat kebenaran daripada seorang pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, boleh—

- (a) memulangkan buat sementara harta alih itu kepada pemunyaanya, atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya harta itu telah disita, atau kepada mana-mana orang yang berhak kepadanya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan, dan tertakluk dalam apa-apa jua hal, kepada pemberian jaminan yang mencukupi bagi memastikan bahawa harta alih itu akan diserahkan apabila tuntutan dibuat oleh pegawai penyiasat yang membenarkan pelepasan itu dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi; atau
- (b) memulangkan harta alih itu kepada pemunyaanya, atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya harta itu telah disita, atau kepada orang yang berhak kepada, harta alih itu, dengan memberikan kebebasan kepada orang yang kepada harta itu telah dipulangkan itu untuk melupuskan harta alih itu, dan pemulangan itu dijadikan tertakluk kepada pemberian jaminan yang amaunnya tidak kurang daripada amaun yang merupakan nilai pasaran terbuka harta itu pada tarikh harta itu dipulangkan sedemikian.

(4) Jika mana-mana orang yang kepadanya harta alih dipulangkan buat sementara di bawah perenggan (3)(a) tidak menyerahkan harta alih itu apabila dituntut atau tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan itu—

- (a) jaminan yang diberikan berkenaan dengan harta alih itu hendaklah terlucut hak; dan
- (b) orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua kali ganda jumlah jaminan yang diberikan olehnya atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(5) Jika suatu perintah pelucuthakan dibuat oleh mahkamah berkenaan dengan harta alih yang dipulangkan di bawah perenggan (3)(b), pelucuthakan itu hendaklah dilaksanakan dengan melucuthakkan jaminan yang diberikan oleh orang yang kepadanya harta itu telah dipulangkan.

(6) Apabila apa-apa harta alih yang disita di bawah Akta ini terdiri daripada wang, syer, sekuriti, saham, debentur atau apa-apa hak dalam tindakan yang berada dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan mana-mana orang selain orang terhadapnya pendakwaan akan dibuat, penyitaan itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang pegawai penyiasat yang menyampaikan pada orang itu suatu perintah—

- (a) yang melarang orang itu menggunakan, memindahkan, atau membuat urusan tentang harta itu; atau
- (b) menghendaki orang itu menyerahkan harta itu kepada seorang pegawai penyiasat mengikut cara dan dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

(7) Jika apa-apa harta alih yang disita mudah reput atau menjadi rosak, atau merupakan harta yang tidak dapat disenggara tanpa kesukaran, atau tidak praktik untuk disenggara dan tidak dapat diuruskan di bawah subseksyen (3), maka seorang pegawai penyiasat boleh menjual atau menyebabkan dijual harta itu dan hendaklah memegang hasil jualan itu, selepas ditolak kos dan perbelanjaan penyenggaraan dan penjualan harta alih itu, sementara menanti keputusan apa-apa prosiding di bawah Akta ini.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah menzahirkan maklumat

47. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain, seseorang Hakim Mahkamah Tinggi boleh, apabila permohonan dibuat kepadanya berhubung dengan penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau kesalahan membiayai keganasan, memerintahkan seseorang peguam bela dan peguam cara supaya menzahirkan maklumat yang boleh didapati olehnya berkenaan dengan apa-apa transaksi atau urusan yang berhubung dengan apa-apa harta yang boleh disita di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghendaki seseorang peguam bela dan peguam cara mematuhi apa-apa perintah di bawah subseksyen itu sehinggakan pematuhan itu akan menzahirkan apa-apa maklumat atau komunikasi terlindung yang sampai kepada pengetahuannya bagi maksud apa-apa prosiding yang belum selesai.

Kuasa menyasat berhubung dengan sesuatu institusi kewangan

48. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana rukun undang-undang, Pendakwa Raya, jika dia berpuas hati bahawa adalah perlu bagi maksud apa-apa penyiasatan sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai keganasan, boleh memberi kuasa secara bertulis seorang pegawai penyiasat untuk menjalankan berhubung dengan mana-mana institusi kewangan yang ditentukan dalam pemberikuasaan itu segala kuasa penyiasatan yang dinyatakan dalam Bahagian V dan dalam subseksyen (2).

(2) Seseorang pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh, berhubung dengan institusi kewangan yang berkenaan dengannya dia telah diberi kuasa sedemikian—

- (a) memeriksa dan mengambil salinan apa-apa buku, rekod, laporan atau dokumen yang dipunyai oleh atau berada dalam milikan, jagaan atau kawalan institusi kewangan itu;
- (b) memeriksa dan mengambil salinan mana-mana akaun syer, akaun pembelian, akaun perbelanjaan atau apa-apa akaun lain mana-mana orang yang disimpan di institusi kewangan itu;
- (c) memeriksa kandungan mana-mana peti simpan selamat di institusi kewangan itu; atau
- (d) meminta apa-apa maklumat lain yang berhubung dengan mana-mana rekod, laporan, dokumen, akaun atau barang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c).

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (2), seseorang pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh mengambil milik apa-apa akaun, buku, rekod, laporan, dokumen, hakmilik, sekuriti atau wang tunai yang dia mempunyai akses kepadanya di bawah subseksyen itu jika pada pendapat pegawai itu—

- (a) pemeriksaannya, penyalinannya, atau pengambilan petikan daripadanya, tidak dapat semunasabahnya dibuat tanpa mengambil miliknya;
- (b) akaun, buku, rekod, laporan, dokumen, hakmilik, atau wang tunai itu mungkin diganggu atau dimusnahkan melainkan jika dia mengambil miliknya; atau

(c) akaun, buku, rekod, laporan, dokumen, hakmilik, atau wang tunai itu mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1), sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(4) Mana-mana orang yang dengan sengaja tidak atau enggan menzahirkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa akaun, buku, rekod, laporan, dokumen atau barang di bawah subseksyen (2) kepada pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(5) Jika mana-mana orang menzahirkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa akaun, buku, rekod, laporan, dokumen atau barang kepada seseorang pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1), baik orang yang mula-mula disebut itu mahupun mana-mana orang lain yang bagi pihaknya atau atas arahnya atau yang sebagai ejen atau pegawainya orang yang mula-mula disebut itu bertindak tidak boleh, oleh sebab penzahiran atau pengemukaan itu, dikenakan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, atau kepada apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang, atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan, atau selainnya.

Kuasa Pendakwa Raya untuk memperoleh maklumat

49. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, Pendakwa Raya, jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, berdasarkan penyiasatan yang dijalankan di bawah Akta ini, bahawa suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan telah dilakukan, boleh dengan notis bertulis—

(a) menghendaki mana-mana orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu;

- (b) mana-mana saudara atau sekutu orang yang disebut dalam perenggan (a); atau
- (c) mana-mana orang lain yang Pendakwa Raya mempunyai alasan untuk mempercayai berupaya untuk membantu dalam penyiasatan itu,

untuk memberikan suatu pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar—

- (aa) yang mengenal pasti tiap-tiap harta, sama ada alih atau tak alih, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang dipunyai atau dimilikinya, atau yang mengenainya dia mempunyai apa-apa kepentingan, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, dan menyatakan tarikh setiap harta yang dikenal pasti itu diperolehi dan cara bagaimana harta itu diperolehi, sama ada dengan jalan apa-apa urus niaga, bekues, devis, pewarisan, atau apa-apa cara lain;
- (bb) yang mengenal pasti tiap-tiap harta yang dihantar keluar dari Malaysia olehnya atau bagi pihaknya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu;
- (cc) yang menyatakan nilai anggaran dan tempat terletaknya setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (aa) dan (bb), dan jika mana-mana harta itu tidak dapat diketahui tempat letaknya, sebab mengapa;
- (dd) yang menyatakan berkenaan dengan setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (aa) dan (bb) sama ada harta itu dipegang olehnya atau oleh mana-mana orang lain bagi pihaknya, sama ada harta itu telah dipindahkan hakmiliknya, dijual kepada atau disimpan dengan mana-mana orang, sama ada harta itu telah susut nilainya sejak dia memperolehinya, dan sama ada harta itu telah berbaur dengan harta lain yang tidak dapat dipisahkan atau dibahagikan tanpa kesukaran;
- (ee) yang menyatakan segala maklumat lain berhubung dengan hartanya, perniagaannya, pengembaraannya atau kegiatannya yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; dan
- (ff) yang menyatakan segala punca pendapatannya, perolehannya atau hartanya.

(2) Seseorang pegawai mana-mana institusi kewangan, atau mana-mana orang yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan dan kawalan hal ehwal mana-mana institusi kewangan, hendaklah memberikan salinan semua akaun, buku, rekod, laporan atau dokumen yang berhubungan dengan mana-mana orang yang kepadanya notis boleh dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

(3) Tiap-tiap orang yang kepadanya notis dihantar oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, mematuhi terma notis itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, dan mana-mana orang yang dengan sengaja mengabaikan atau tidak mematuhi terma notis itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(4) Tiap-tiap orang yang kepadanya suatu notis atau arahan telah dihantar oleh Pendakwa Raya di bawah seksyen ini terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar dan hendaklah menzahirkan segala maklumat yang diketahuinya, atau tersedia untuknya, atau yang dapat diperoleh olehnya.

(5) Jika mana-mana orang menzahirkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa akaun, buku, rekod, laporan atau dokumen, sebagai jawapan kepada suatu notis di bawah subseksyen (1), orang itu, ejennya atau pekerjanya, atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihaknya atau atas arahannya, tidak boleh, semata-mata oleh sebab penzahiran atau pengemukaan itu, didakwa bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, atau apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan, atau selainnya.

(6) Subseksyen (5) tidak menggalang, menghalang atau melarang pemulaan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen ini atau pemberian maklumat palsu berhubung dengan apa-apa pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang diberikan kepada Pendakwa Raya menurut seksyen ini.

Penyitaan harta alih dalam institusi kewangan

50. (1) Jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seseorang pegawai penyiasat bahawa apa-apa harta alih, termasuk apa-apa instrumen wang atau apa-apa pertambahan kepadanya, yang menjadi hal perkara sesuatu kesalahan di bawah subsekyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau keterangan berhubung dengan pelakuan kesalahan itu atau yang merupakan harta pengganas, ada dalam milikan, jagaan atau kawalan sesuatu institusi kewangan, dia boleh, walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang lain, selepas perundingan dengan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan perintah mengarahkan institusi kewangan itu supaya tidak melepaskan, berurusan tentang atau selainnya melupuskan harta itu atau mana-mana bahagiannya sehingga perintah itu dibatalkan atau diubah.

(2) Sesuatu institusi kewangan atau mana-mana ejen atau pekerja sesuatu institusi kewangan tidak boleh, oleh sebab mematuhi perintah Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1), didakwa di bawah mana-mana undang-undang atau apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah apa-apa kontrak, perjanjian, atau perkiraan, atau selainnya.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu perintah Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua kali ganda amaun yang dilepaskan, diuruskan, atau selainnya dilupuskan dengan melanggar perintah Pendakwa Raya itu atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(4) Dalam seksyen ini, “instrumen kewangan” termasuklah mata wang domestik atau mana-mana mata wang asing, cek kembara, cek peribadi, cek bank, kiriman wang, sekuriti pelaburan atau instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa atau selainnya dalam bentuk yang hakmilik kepadanya beralih apabila diserahkan atau apabila diserahkan dan dicatatkan.

Penyitaan harta tak alih

51. (1) Jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seseorang pegawai penyiasat bahawa apa-apa harta tak alih ialah hal perkara sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau keterangan pelakuan kesalahan itu atau merupakan harta pengganas, harta itu boleh disita, dan penyitaan hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan pengeluaran suatu Notis Penyitaan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan butir-butir harta tak alih yang disita itu setakat yang butir-butir itu diketahuinya, dan melarang segala urusan tentang harta tak alih itu;
- (b) dengan menyiarkan suatu salinan Notis itu dalam dua akhbar yang diedarkan di Malaysia, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan dan yang satu lagi dalam bahasa Inggeris; dan
- (c) dengan menyampaikan suatu salinan Notis itu kepada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Semenanjung Malaysia, atau Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sabah, atau kepada Pengarah Tanah dan Ukur atau Pendaftar yang bertanggungjawab bagi hakmilik tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sarawak, bagi kawasan tempat terletaknya harta tak alih itu.

(2) Pentadbir Tanah, Pemungut Hasil Tanah, Pengarah Tanah dan Ukur, Pendaftar Hakmilik atau Pendaftar yang bertanggungjawab bagi hakmilik tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dengan serta-merta apabila disampaikan kepadanya Notis Penyitaan di bawah subseksyen itu mencatatkan terma Notis Penyitaan itu pada dokumen hakmilik yang berkenaan dengan harta tak alih itu dalam Daftar di pejabatnya.

(3) Jika suatu catatan tentang sesuatu Notis Penyitaan telah dibuat di bawah subseksyen (2), Notis itu hendaklah mempunyai kuat kuasa melarang segala urusan berkenaan dengan harta tak alih itu, dan selepas catatan itu telah dibuat tiada urusan berkenaan dengan harta tak alih itu boleh didaftarkan, tidak kira sama ada

urusan itu dilaksanakan sebelum atau selepas pengeluaran Notis itu atau pembuatan catatan itu.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai bagi sesuatu urusan yang dilaksanakan oleh seseorang pegawai badan awam atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian, atau selainnya oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau suatu pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun lain.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghasilkan, atau menyebabkan, pelanggaran subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua kali ganda nilai harta yang berkenaan dengannya perintah Pendakwa Raya telah dilanggar, atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(6) Jika suatu Notis Penyitaan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1), seseorang tuan punya berdaftar harta tak alih yang disita di bawah Notis itu, atau mana-mana orang lain yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta tak alih itu, yang tahu tentang Notis itu, dan yang dengan disedarinya membuat apa-apa perjanjian dengan mana-mana orang untuk menjual, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan atau membuat urusan tentang, keseluruhan atau sebahagian harta tak alih itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua kali ganda nilai harta itu atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Peruntukan khas berhubung dengan penyitaan perniagaan

52. (1) Jika sesuatu agensi penguat kuasa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana perniagaan —

(a) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang terhadapnya pendakwaan bagi suatu kesalahan di

bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan dicadangkan untuk dimulakan;

- (b) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak seorang saudara atau seorang sekutu orang itu;
- (c) ialah suatu perniagaan yang orang itu, atau seorang saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan sebanyak atau yang membawa hak tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada keseluruhan perniagaan itu; atau
- (d) ialah suatu perniagaan yang mengenainya orang itu atau saudara atau sekutunya mempunyai kawalan pengurusan atau kawalan berkesan, sama ada secara perseorangan atau bersama,

agensi penguat kuasa itu boleh menyita perniagaan itu mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini atau melalui suatu perintah bertulis—

- (aa) mengarahkan takat dan cara bagaimana perniagaan itu boleh dijalankan;
- (bb) menentukan mana-mana orang untuk mengawasi, mengarahkan atau mengawal perniagaan itu, termasuk akaunnya, atau menjalankan perniagaan itu atau apa-apa bahagian perniagaan itu yang ditentukan;
- (cc) mengarahkan supaya kesemua atau apa-apa perkadaran hasil atau keuntungan perniagaan itu dibayar kepada Akauntan Negara dan disimpan olehnya sementara menanti arahan lanjut berkenaan dengannya dibuat oleh agensi penguat kuasa itu;
- (dd) melarang mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja atau mana-mana orang lain terlibat dalam apa-apa cara dalam perniagaan itu berkuat kuasa dari tarikh surat larangan itu; atau
- (ee) mengarahkan supaya premis tempat perniagaan itu dijalankan ditutup dan, jika perlu atau suai manfaat, diletakkan di bawah kawalan atau jagaan.

(2) Jika suatu perintah dibuat oleh sesuatu agensi penguat kuasa di bawah subseksyen (1), ia boleh memasukkan dalam perintah itu, atau boleh kemudiannya memberikan apa-apa arahan lanjut secara lisan atau bertulis yang bersampingan atau berdampingan,

atau yang diperlukan, untuk memberikan kuat kuasa kepada, atau untuk menjalankan, perintah itu.

(3) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh pada bila-bila masa diubah atau dibatalkan oleh sesuatu agensi penguat kuasa dan jika ia telah mengubah atau membatalkan perintah itu, ia boleh memberikan apa-apa arahan yang bersampingan atau berdampingan, atau yang diperlukan, bagi memberikan kuat kuasa kepada, atau bagi menjalankan, perubahan atau pembatalan itu.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), baik Kerajaan Persekutuan mahupun mana-mana orang tidaklah, berbangkit daripada apa-apa perintah di bawah subseksyen (1), bertanggungjawab bagi pembayaran apa-apa wang, dius, hutang, tanggungan atau caj yang kena dibayar kepada mana-mana orang berkenaan dengan perniagaan itu, atau berkenaan dengan mana-mana harta alih atau harta tak alih yang dipunyai, dimiliki, diduduki atau digunakan, oleh mana-mana orang berhubung dengan perniagaan itu.

(5) Jika seseorang menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan itu menurut suatu perintah di bawah subseksyen (1), dia hendaklah bertanggungjawab bagi pembayaran gaji pekerjanya perniagaan itu yang terlibat dalam menjalankan apa-apa kerja berhubung dengan aktiviti itu bagi tempoh semasa orang itu menjalankan aktiviti itu, dan gaji itu hendaklah dibayar daripada keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti itu atau, jika tidak ada keuntungan sedemikian atau jika keuntungan itu tidak mencukupi, daripada aset dan harta perniagaan itu.

(6) Dalam seksyen ini—

- (a) “gaji” ertinya gaji yang kena dibayar di bawah kontrak perkhidmatan antara pekerja dengan perniagaan itu;
- (b) “perniagaan” ertinya mana-mana perniagaan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengadakan peruntukan bagi pendaftaran perniagaan dan termasuklah pertubuhan yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan sekutu syarikat itu sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3.

Larangan berurusan dengan harta di luar Malaysia

53. Jika Pendakwa Raya berpuas hati bahawa apa-apa harta ialah hal perkara sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau

sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau merupakan harta pengganas, dan harta itu dipegang atau didepositkan di luar Malaysia, dia boleh membuat suatu permohonan melalui affidavit kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan perintah yang melarang orang yang memegang harta itu atau yang dengannya harta itu didepositkan membuat urusan tentang harta itu.

Membuat urusan tentang harta selepas penyitaan adalah tidak sah

54. (1) Jika apa-apa harta yang telah disita di bawah Akta ini, dan selagi penyitaan itu masih berkuat kuasa, apa-apa urusan yang dilaksanakan oleh mana-mana orang atau antara mana-mana orang berkenaan dengan harta itu, kecuali apa-apa urusan yang dilaksanakan di bawah Akta ini oleh seseorang pegawai sesuatu badan awam atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian, atau selainnya oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau suatu pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun lain, adalah batal dan tidak sah, dan tidak boleh didaftarkan atau selainnya diberi kuat kuasa oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa.

(2) Subseksyen (1) hendaklah menjadi tambahan kepada dan tidak mengurangkan subseksyen 51(3) dan (4).

(3) Selagi sesuatu penyitaan apa-apa harta di bawah Akta ini berkuat kuasa, tiada tindakan, guaman atau prosiding lain yang bersifat sivil boleh dimulakan, atau jika tindakan, guaman atau prosiding lain itu belum selesai sebelum sahaja penyitaan itu, dikekalkan atau diteruskan di mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain berkenaan dengan harta yang telah disita sedemikian, dan tiada penahanan, pelaksanaan atau proses lain yang seumpama itu boleh dimulakan, dan jika apa-apa proses sedemikian belum selesai sebelum sahaja penyitaan itu, dikekalkan atau diteruskan, berkenaan dengan harta itu oleh sebab apa-apa tuntutan, penghakiman atau dekri, tidak kira sama ada tuntutan itu telah dibuat atau penghakiman atau dekri itu telah diberikan, sebelum atau selepas penyitaan itu dilaksanakan, kecuali atas kehendak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau atas kehendak sesuatu pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun lain, atau kecuali dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pelucuthakan harta apabila ada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan

55. (1) Tertakluk kepada seksyen 61, dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, mahkamah hendaklah membuat perintah bagi pelucuthakan apa-apa harta yang dibuktikan menjadi hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang dibuktikan merupakan harta pengganas jika—

- (a) kesalahan itu telah dibuktikan terhadap tertuduh; atau
- (b) kesalahan itu tidak dibuktikan terhadap tertuduh tetapi mahkamah berpuas hati—
 - (i) bahawa tertuduh bukan pemunya harta itu yang sebenar dan sah; dan
 - (ii) bahawa tiada orang lain berhak kepada harta itu sebagai pembeli dengan suci hati dengan balasan berharga.

(2) Jika kesalahan itu dibuktikan terhadap tertuduh tetapi harta yang disebut dalam subseksyen (1) telah dilupuskan atau tidak dapat dikesan, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya tertuduh membayar sebagai penalti suatu jumlah wang yang bersamaan dengan, pada pendapat mahkamah, nilai harta itu, dan apa-apa penalti sedemikian hendaklah boleh didapati sebagai suatu denda.

(3) Dalam menentukan sama ada harta itu ialah hal perkara suatu kesalahan atau telah digunakan dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau merupakan harta pengganas mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan

56. (1) Tertakluk kepada seksyen 61, jika berkenaan dengan apa-apa harta yang telah dibekukan atau disita di bawah Akta ini tiada pendakwaan atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan,

Pendakwa Raya boleh, sebelum tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaan dan pembekuan itu, memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati bahawa harta itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau merupakan harta penganas.

(2) Hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat suatu perintah bagi pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati—

- (a) bahawa harta itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau merupakan harta penganas; dan
- (b) bahawa tiada pembelian suci hati dengan balasan berharga berkenaan dengan harta itu.

(3) Apa-apa harta yang telah disita dan berkenaan dengannya tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita.

(4) Dalam menentukan sama ada atau tidak harta itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau merupakan harta penganas, mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

Kesahan pembekuan, penyitaan atau penjualan

57. Jika pembekuan, penyitaan atau penjualan mana-mana harta telah dilaksanakan di bawah Akta ini, kesahan pembekuan, penyitaan atau penjualan itu, atau apa-apa pelupusan dalam bentuk lain harta itu, atau apa-apa pemusnahan harta itu mengikut peruntukan Akta ini, berbangkit daripadanya pembekuan, penyitaan atau penjualan itu, tidak terjejas oleh apa-apa bantahan tentangnya berhubung dengan cara bagaimana pembekuan, penyitaan atau penjualan itu dilaksanakan, atau tempat pembekuan, penyitaan atau penjualan

itu dilaksanakan, atau orang yang daripadanya telah dilaksanakan, atau orang yang kepadanya apa-apa notis pembekuan, penyitaan atau penjualan itu telah diberikan, atau ditinggalkan daripada diberikan, atau apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan tatacara dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain dalam melaksanakan pembekuan, penyitaan atau penjualan itu.

Peletakhakan harta yang dilucuthakkan pada Kerajaan Persekutuan

58. (1) Jika apa-apa harta dilucuthakkan di bawah Akta ini, harta itu hendaklah terletak hak pada Kerajaan Persekutuan bebas daripada apa-apa hak, kepentingan atau bebanan mana-mana orang kecuali hak, kepentingan atau bebanan yang dipegang oleh seorang pembeli suci hati dengan balasan berharga dan yang tidak selainnya batal dan tidak sah di bawah mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Jika mana-mana orang memegang apa-apa bebanan yang kepadanya harta itu tertakluk menuntut bahawa dia memegang bebanan itu sebagai pembeli suci hati dengan balasan berharga dan bahawa bebanan itu tidak selainnya batal dan tidak sah di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, dan Kerajaan Persekutuan mempertikaikan tuntutan itu, Pendakwa Raya boleh memohon kepada Mahkamah Sesyen supaya memutuskan persoalan itu dan mahkamah boleh memutuskan persoalan itu setelah memberikan peluang untuk didengar kepada orang yang memegang bebanan itu dan mendengar jawapan daripada Pendakwa Raya tentang apa-apa representasi yang dibuat di hadapan mahkamah itu oleh orang yang memegang bebanan itu.

(3) Jika mana-mana harta terletak hak pada Kerajaan Persekutuan di bawah subseksyen (1), peletakhakan itu hendaklah berkuat kuasa tanpa apa-apa pindah hakmilik, pindah hak, surat ikatan atau surat cara lain dan jika apa-apa pendaftaran peletakhakan itu dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang, pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk melaksanakan pendaftaran itu hendaklah berbuat demikian atas nama mana-mana pegawai awam atau pihak berkuasa, orang atau badan yang ditentukan oleh Pendakwa Raya.

(4) Jika harta yang terletak hak pada Kerajaan Persekutuan di bawah subseksyen (1) ialah harta tak alih, peletakhakan itu

hendaklah, apabila dikemukakan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, di Semenanjung Malaysia, atau kepada Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, di Sabah atau Pendaftar Hakmilik atau Pengarah Tanah dan Ukur, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sarawak suatu perintah mahkamah melucuthakkan harta tak alih itu, atau dalam hal harta yang dilucuthakkan di bawah subseksyen 55(1), suatu perakuan Pendakwa Raya mengesahkan bahawa harta itu telah dilucuthakkan, hendaklah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Perintah kewangan

59. (1) Atas permohonan oleh sesuatu agensi penguat kuasa kepada Mahkamah Sesyen, suatu perintah penalti kewangan boleh dibuat terhadap seseorang yang daripadanya harta telah dilucuthakkan berkenaan dengan faedah yang diperoleh oleh orang itu daripada melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau daripada harta penganas.

(2) Jika—

- (a) suatu permohonan dibuat kepada mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan faedah yang diperoleh oleh seseorang daripada melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau daripada harta penganas; dan
- (b) mahkamah berpuas hati bahawa orang itu memperoleh faedah daripada melakukan kesalahan itu atau daripada harta penganas,

mahkamah boleh, jika difikirkannya sesuai, menaksir mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, nilai faedah yang diperoleh sedemikian dan mengarahkan orang itu membayar kepada Kerajaan Persekutuan suatu penalti kewangan yang bersamaan dengan amaun penalti itu.

(3) Jika suatu perintah pelucuthakan telah dibuat di bawah seksyen 55 atau 56 terhadap mana-mana harta yang merupakan hasil daripada suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau daripada harta penganas,

penalti kewangan yang kena dibayar di bawah subseksyen (2) hendaklah dikurangkan sebanyak suatu amaun yang bersamaan dengan nilai harta itu pada masa perintah itu dibuat di bawah subseksyen (2).

(4) Dalam menentukan sama ada atau tidak apa-apa faedah diperoleh berbangkit daripada suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau daripada harta pengganas mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

Pelepasan harta yang disita

60. (1) Jika harta telah disita di bawah Akta ini, seseorang pegawai penyiasat selain pegawai penyiasat yang melaksanakan penyitaan itu, boleh pada bila-bila masa sebelum harta itu dilucuthakkan di bawah Akta ini melepaskan harta itu kepada mana-mana orang yang ditentukan olehnya berhak di sisi undang-undang kepada harta itu jika dia berpuas hati bahawa harta itu tidak tertakluk kepada pelucuthakan di bawah Akta ini atau selainnya diperlukan bagi tujuan mana-mana prosiding di bawah Akta ini, atau bagi tujuan apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang lain, dan dalam hal sedemikian baik pegawai yang melaksanakan penyitaan tersebut, mahu pun Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan, tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan itu telah dilaksanakan dengan suci hati.

(2) Pegawai yang melaksanakan apa-apa pelepasan mana-mana harta di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat suatu rekod bertulis berkenaan dengan pelepasan itu, dengan menyatakan dalam rekod itu secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi, pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantar suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya.

Pihak ketiga yang suci hati

61. (1) Peruntukan di dalam Bahagian ini hendaklah terpakai tanpa menjejaskan hak pihak ketiga yang suci hati.

(2) Mahkamah yang membuat perintah pelucuthakan di bawah seksyen 55 atau hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat

di bawah subseksyen 56(1) hendaklah menyebabkan supaya disiarkan suatu notis dalam *Warta* memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta itu supaya hadir di hadapan mahkamah itu pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu untuk menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan.

(3) Ketiadaan suci hati pada pihak ketiga boleh disimpulkan, oleh mahkamah atau sesuatu agensi penguat kuasa, daripada hal keadaan objektif hal itu.

(4) Mahkamah atau agensi penguat kuasa hendaklah memulangkan harta itu kepada pihak yang menuntut apabila ia berpuas hati bahawa—

- (a) pihak yang menuntut itu mempunyai suatu kepentingan sah di sisi undang-undang mengenai harta itu;
- (b) tiada pengambilan bahagian, pakatan sulit atau penglibatan berkenaan dengan kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau kesalahan membiayai keganasan yang menjadi tujuan prosiding itu boleh dikaitkan dengan pihak yang menuntut itu;
- (c) pihak yang menuntut itu tidak tahu dan jahil tanpa niat tentang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu, atau jika dia tahu, tidak dengan sukarela mengizinkan penggunaan menyalahi undang-undang harta itu;
- (d) pihak yang menuntut itu tidak memperoleh apa-apa hak mengenai harta itu daripada seseorang yang tindakan diambil terhadapnya di bawah hal keadaan yang menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa apa-apa hak telah dipindahkan hakmilik bagi maksud mengelakkan pelucuthakan harta itu pada akhirnya kemudiannya; dan
- (e) pihak menuntut itu telah melakukan segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu.

Pelupusan harta yang dilucuthakkan

62. Apabila harta yang tidak dikehendaki supaya dimusnahkan dan yang tidak berbahaya kepada orang ramai telah dilucuthakkan di

bawah seksyen 55 atau 56, mahkamah atau suatu agensi penguat kuasa boleh, mengikut undang-undang—

- (a) menyimpannya untuk kegunaan rasmi, atau memindahkannya kepada Kerajaan Persekutuan; atau
- (b) menjualnya dan memindahkan hasil daripada penjualan itu kepada Kerajaan Persekutuan.

Orang yang melarikan diri

63. (1) Bagi maksud Akta ini, seseorang hendaklah dianggap seolah-olah telah disabitkan atas suatu kesalahan berat jika orang itu melarikan diri berkaitan dengan suatu kesalahan berat dan apa-apa sebutan dalam Bahagian ini tentang defendan hendaklah termasuk sebutan tentang orang itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang hendaklah dianggap seolah-olah dia telah melarikan diri berkaitan dengan suatu kesalahan berat jika, sebelum atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa—

- (a) penyiasatan suatu kesalahan berat telah dimulakan terhadap orang itu; dan
- (b) orang itu—
 - (i) mati sebelum prosiding berkenaan dengan kesalahan itu dimulakan, atau jika prosiding itu telah dimulakan, orang itu mati sebelum dia disabitkan atas kesalahan itu; atau
 - (ii) pada akhir tempoh enam bulan dari tarikh penyiasatan yang disebut dalam perenggan (a) itu dimulakan terhadapnya, tidak dijumpai, ditangkap atau diekstradisikan.

Perintah pelucuthakan jika seseorang melarikan diri

64. Jika seseorang, oleh sebab seksyen 63, dianggap seolah-olah dia telah disabitkan atas suatu kesalahan berat, mahkamah boleh membuat suatu perintah pelucuthakan di bawah Bahagian ini jika mahkamah itu berpuas hati—

- (a) berdasarkan keterangan yang dikemukakan di hadapannya bahawa, berdasarkan imbalan kebarangkalian, orang itu telah melarikan diri; dan

- (b) setelah mengambil kira segala keterangan di hadapan mahkamah itu, bahawa keterangan itu jika tidak disangkal akan menyebabkan dia disabitkan atas kesalahan itu.

Kesan kematian ke atas prosiding

65. (1) Prosiding di bawah seksyen 64 hendaklah dimulakan atau diteruskan terhadap wakil diri defendan yang sudah mati atau, jika tiada terdapat wakil diri, mana-mana benefisiari harta pusaka si mati yang ditetapkan oleh mahkamah atas permohonan Pendakwa Raya.

(2) Jika kuasa yang diberikan oleh Akta ini untuk membuat suatu perintah akan dijalankan berhubung dengan seseorang defendan yang sudah mati, perintah itu hendaklah dibuat terhadap pusaka defendan yang sudah mati itu.

(3) Dalam seksyen ini, “defendan yang sudah mati” ertinya seseorang yang mati—

- (a) selepas suatu penyiasatan tentang suatu kesalahan berat telah dimulakan terhadapnya; dan
- (b) sebelum prosiding berkenaan dengan kesalahan itu telah dimulakan, atau jika prosiding itu telah dimulakan sebelum dia disabitkan atas kesalahan itu.

(4) Dalam seksyen ini, sesuatu sebutan tentang harta atau kepentingan mengenai harta hendaklah termasuk sebutan tentang pendapatan yang terakru daripada harta atau kepentingan itu.

Penyampaian dokumen kepada orang yang melarikan diri

66. Jika mana-mana dokumen dikehendaki di bawah Akta ini supaya diserahkan kepada seseorang yang tidak dapat dijumpai atau yang berada di luar Malaysia dan tidak boleh dipaksa untuk hadir di hadapan sesuatu mahkamah berkenaan dengan prosiding di bawah Akta ini, mahkamah itu boleh mengetepikan penyampaian dokumen itu kepadanya dan prosiding itu boleh diteruskan sehingga berakhir dengan muktamad dalam ketidakhadirannya.

BAHAGIAN VIA

PENUMPASAN KESALAHAN MEMBIAYAI KEGANASAN
DAN PEMBEKUAN, PENYITAAN DAN PELUCUTHAKAN
HARTA PENGGANAS**Tafsiran berhubung dengan Bahagian ini**

66A. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“entiti ditentukan” ertinya suatu entiti yang berkenaan dengannya suatu perintah di bawah seksyen 66B telah dibuat, atau disifatkan telah dibuat oleh sebab berkuat kuasanya subseksyen 66C(2), dan sedang berkuat kuasa;

“perbuatan keganasan” mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 130B Kanun Keseksaan;

“pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan” termasuklah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Pengisytiharan entiti ditentukan

66B. (1) Jika Menteri Dalam Negeri berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seorang pegawai polis bahawa—

- (a) suatu entiti telah dengan disedarinya melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam perlakuan atau memudahkan perlakuan, suatu perbuatan keganasan; atau
- (b) suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan, atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti yang disebut dalam perenggan (a),

Menteri Dalam Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan entiti itu sebagai entiti ditentukan.

(2) Dalam membuat perintah di bawah subseksyen (1), Menteri Dalam Negeri boleh, bagi maksud memudahkan pelaksanaan perintah itu, berunding dengan pihak berkuasa kawal selia atau

pengawasan yang berkaitan atau mana-mana badan atau agensi lain sebagaimana yang didapati patut oleh Menteri Dalam Negeri.

- (3) Jika suatu perintah di bawah subseksyen (1) telah dibuat—
- (a) tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia boleh di dalam atau di luar Malaysia dengan disedari mengadakan atau memungut melalui apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, harta dengan niat supaya harta itu digunakan, atau dengan menyedari bahawa harta itu akan digunakan, oleh suatu entiti ditentukan;
 - (b) tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia boleh di dalam atau di luar Malaysia dengan disedarinya—
 - (i) membuat urusan, secara langsung atau tidak langsung, mengenai apa-apa harta sesuatu entiti ditentukan, termasuk dana yang terbit atau dihasilkan daripada harta yang dipunyai atau dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh entiti itu;
 - (ii) membuat atau memudahkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa transaksi yang berhubungan dengan sesuatu urusan yang disebut dalam subperenggan (i);
 - (iii) mengadakan apa-apa perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan lain yang berkaitan berkenaan dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - (iv) menyediakan apa-apa harta atau apa-apa perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan lain yang berkaitan, secara langsung atau tidak langsung, bagi faedah sesuatu entiti ditentukan;
 - (c) tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia boleh di dalam atau di luar Malaysia dengan disedarinya melakukan apa-apa jua yang menyebabkan, membantu atau menggalakkan, atau yang diniatkan untuk menyebabkan, membantu atau menggalakkan, apa-apa aktiviti yang dilarang oleh perenggan (a) atau (b);

(d) tiap-tiap warganegara Malaysia dan tiap-tiap pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia hendaklah segera menzahirkan kepada Ketua Polis Negara—

(i) kewujudan harta dalam milikan atau kawalannya yang warganegara atau pertubuhan perbadanan itu mempunyai sebab untuk dipercayai adalah dimiliki atau dikawal oleh atau bagi pihak suatu entiti ditentukan; dan

(ii) maklumat mengenai sesuatu transaksi atau transaksi yang dicadangkan berkenaan dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i).

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(5) Jika suatu perintah di bawah subseksyen (1) telah dibuat, segala hak dan kepentingan yang terjamin dan tidak terjamin yang dipegang oleh seseorang, selain suatu entiti ditentukan atau ejennya, mengenai harta yang dibekukan berhak mendapat susunan yang sama yang sepatutnya berhak didapati oleh hak dan kepentingan itu sekiranya harta itu tidak dibekukan.

(6) Suatu entiti ditentukan boleh, dalam masa enam puluh hari dari penyiaran perintah itu dalam *Warta*, membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri Dalam Negeri bagi pembatalan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), atau yang disifatkan di bawah seksyen 66C telah dibuat berkenaan dengan entiti itu.

(7) Jika, atas suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (6), Menteri Dalam Negeri—

(a) memutuskan bahawa terdapat alasan munasabah bagi pembatalan perintah itu, Menteri Dalam Negeri hendaklah membatalkan perintah itu dan menyiarkan suatu perintah pembatalan dalam *Warta*; atau

(b) memutuskan bahawa tidak ada alasan munasabah bagi pembatalan perintah itu, Menteri Dalam Negeri hendaklah menolak permohonan itu dan hendaklah, dalam masa enam puluh hari dari penerimaan permohonan itu, memberitahu pemohon mengenai keputusannya.

(8) Keputusan Menteri Dalam Negeri di bawah subseksyen (7) adalah muktamad.

(9) Melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu di bawah perenggan (7)(a), Menteri Dalam Negeri hendaklah mengkaji semula perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) tiap-tiap enam bulan untuk menentukan sama ada masih terdapat alasan yang munasabah, sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (1), untuk perintah itu terus terpakai bagi sesuatu entiti ditentukan, dan jika Menteri Dalam Negeri menentukan bahawa tiada alasan yang munasabah sedemikian, dia hendaklah dengan segera membatalkan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) itu berkenaan dengan entiti ditentukan itu.

(10) Sesuatu perintah di bawah seksyen ini tidak terpakai bagi dana dan aset kewangan atau sumber ekonomi lain atau mana-mana bahagian daripada dana, aset atau sumber itu yang ditentukan oleh Menteri Dalam Negeri sebagai—

- (a) perlu bagi perbelanjaan asas, termasuklah pembayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadai janji, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans, dan caj kemudahan awam, atau secara eksklusif bagi pembayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik perbelanjaan yang dilakukan yang berkaitan dengan pemberian perkhidmatan undang-undang, atau fi atau caj perkhidmatan bagi pemegangan atau penyenggaraan biasa dana atau aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan itu; atau
- (b) perlu bagi perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri,

dan jika perintah sedemikian telah dibuat berhubung dengan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi sedemikian atau mana-mana bahagian daripadanya, Menteri Dalam Negeri boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati patut olehnya, mengubah perintah itu dan membenarkan akses kepada dana, aset atau sumber itu.

(11) Jika suatu perintah di bawah subseksyen (1) telah dibuat, Menteri Dalam Negeri hendaklah mengarahkan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan supaya mengeluarkan apa-apa perintah, arahan atau pekeliling kepada institusi yang dikawal selia atau diawasinya untuk memudahkan pelaksanaan perintah itu dan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu hendaklah mematuhi arahan sedemikian.

Perintah bagi melaksanakan langkah-langkah untuk menguatkuasakan resolusi Majlis Keselamatan

66c. (1) Jika Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memutuskan, menurut Artikel 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, mengenai langkah-langkah yang patut digunakan untuk menguatkuasakan mana-mana keputusannya dan meminta Kerajaan Malaysia melaksanakan langkah-langkah itu, Menteri Dalam Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa peruntukan yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membolehkan langkah-langkah itu dilaksanakan dengan berkesan.

(2) Jika sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) membuat peruntukan yang bermaksud bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu entiti yang dinyatakan dalam perintah itu terlibat dalam perbuatan keganasan, perintah di bawah subseksyen (1) itu hendaklah disifatkan, mulai dari tarikh perintah itu, sebagai suatu perintah yang mengisytiharkan entiti itu sebagai suatu entiti ditentukan di bawah subseksyen 66B(1).

(3) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) tidak terpakai bagi dana dan aset kewangan atau sumber ekonomi lain atau mana-mana bahagian daripada dana, aset atau sumber itu yang telah ditentukan oleh Menteri Dalam Negeri sebagai—

(a) perlu bagi perbelanjaan asas, termasuk pembayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadai janji, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans, dan caj kemudahan awam, atau secara eksklusif bagi pembayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan pemberian perkhidmatan undang-undang, atau fi atau caj perkhidmatan bagi pemegang atau penyenggaraan biasa dana atau aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan itu; atau

(b) perlu bagi perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri,

dan jika perintah sedemikian telah dibuat berhubung dengan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi sedemikian atau mana-mana bahagian daripada dana, aset atau sumber itu, Menteri Dalam Negeri boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati patut, mengubah perintah itu dan membenarkan akses kepada dana, aset atau sumber itu.

Kuasa Menteri untuk mendapatkan maklumat

66D. (1) Menteri Dalam Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menghendaki mana-mana orang atau golongan orang supaya menentukan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu sama ada mereka memiliki atau mengawal harta pegganas atau harta yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak mana-mana entiti ditentukan.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menghendaki mana-mana orang atau golongan orang yang dinyatakan di dalamnya supaya melaporkan kepada pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan dan dalam apa-apa tempoh tetap yang dinyatakan dalam perintah itu—

- (a) sama ada mereka memiliki atau mengawal apa-apa harta yang disebut dalam subseksyen (1); dan
- (b) jika mereka memiliki atau mengawal apa-apa harta yang disebut dalam subseksyen (1)—
 - (i) bilangan orang, kontrak atau akaun yang terlibat;
 - (ii) nilai keseluruhan harta yang terlibat;
 - (iii) cara bagaimana harta itu berada dalam milikan mereka; dan
 - (iv) apa-apa butir lain yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan hendaklah melaporkan dengan segera kepada Menteri Dalam Negeri jika mana-mana orang atau golongan orang di bawah kawal selia atau pengawasan mereka didapati memiliki atau mengawal harta pegganas atau harta yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak mana-mana entiti ditentukan.

(4) Tiada prosiding jenayah, sivil atau tatatertib boleh dibawa terhadap seseorang kerana membuat laporan dengan suci hati di bawah subseksyen (2).

(5) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Peruntukan seksyen ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa obligasi tentang kerahsiaan atau sekatan lain tentang penzahiran maklumat yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya.

Arahan dan garis panduan untuk menunaikan obligasi antarabangsa Kerajaan

66E. (1) Bagi maksud Bahagian ini, pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan boleh mengeluarkan apa-apa arahan dan garis panduan kepada institusi di bawah kawal selia atau pengawasan mereka sebagaimana yang didapati perlu oleh pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu untuk menunaikan atau memudahkan penunaian apa-apa obligasi yang mengikat Malaysia menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(2) Sesuatu institusi yang kepadanya suatu arahan atau garis panduan dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi arahan atau garis panduan itu walau apa pun apa-apa kewajipan lain yang dikenakan ke atas institusi itu oleh mana-mana rukun undang-undang, undang-undang bertulis atau kontrak.

(3) Sesuatu institusi tidak boleh, dalam menjalankan apa-apa perbuatan dengan mematuhi mana-mana arahan atau garis panduan yang dibuat di bawah subseksyen (1), dianggap sebagai melanggar mana-mana rukun undang-undang, undang-undang bertulis atau kontrak.

(4) Sesuatu institusi tidak boleh menzahirkan mana-mana arahan atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) jika pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberitahu institusi itu bahawa pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpendapat bahawa penzahiran arahan atau garis panduan itu bertentangan dengan kepentingan awam.

(5) Mana-mana institusi yang—

- (a) tidak atau enggan mematuhi sesuatu arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya;
- (b) melanggar mana-mana arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya; atau

- (c) menzahirkan sesuatu arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya dengan melanggar subseksyen (4),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(6) Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu hendaklah melaporkan kepada Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan tindakan yang telah diambil di bawah seksyen ini tiap-tiap enam bulan atau sebagaimana yang dikehendaki oleh masing-masing Menteri itu.

Kecualian bagi perintah yang dibuat di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996

66F. (1) Perintah yang dibuat di bawah seksyen 44 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*] dan subseksyen 4(5) Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 bagi maksud melaksanakan langkah-langkah menentang keganasan yang dikehendaki oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan yang sedang berkuat kuasa sebaik sebelum Bahagian ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sah di bawah seksyen 66c dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya sehingga perintah itu dibatalkan atau digantikan di bawah Bahagian ini.

(2) Selepas Bahagian ini mula berkuat kuasa, tiada perintah di bawah seksyen 44 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 atau subseksyen 4(5) Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 boleh dibuat jika seksyen 66B atau 66c terpakai.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Pengesanan harta

67. (1) Jika pihak berkuasa berwibawa atau sesuatu agensi penguat kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai sebab untuk dipercayai bahawa seseorang sedang melakukan, telah melakukan atau akan melakukan suatu kesalahan di bawah

Akta ini atau suatu kesalahan membiayai keganasan, pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memerintahkan—

- (a) supaya apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pengenalpastian, pencarian atau penjumlahan apa-apa harta, atau pengenalpastian atau pencarian apa-apa dokumen yang perlu bagi pemindahan hakmilik harta itu, yang dipunyai oleh, atau berada dalam milikan atau di bawah kawalan orang itu atau mana-mana orang lain, diserahkan kepadanya; atau
- (b) mana-mana orang mengemukakan maklumat mengenai apa-apa transaksi yang dilakukan oleh atau untuk orang itu dengan orang yang mula-mula disebut.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Kuasa tambahan pihak berkuasa berwibawa dan agensi penguat kuasa

68. (1) Bagi mengelakkan keraguan, fungsi yang diberikan kepada pihak berkuasa berwibawa atau sesuatu agensi penguat kuasa di bawah Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada fungsinya dibawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Jika sesuatu agensi penguat kuasa yang menguatkuasakan undang-undang yang di bawahnya suatu kesalahan berat yang berkaitan telah dilakukan mengumpul keterangan berkenaan dengan mana-mana penyiasatan tentang kesalahan itu, keterangan itu hendaklah dianggap sebagai keterangan yang telah dikumpul mengikut Akta ini.

Ejen provokasi

69. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding

terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, tiada ejen provokasi, sama ada dia seorang pegawai suatu agensi penguat kuasa atau tidak, boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah cuba melakukan atau bersubahat dalam, atau telah bersubahat atau terlibat dalam komplot jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu ialah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, sesuatu sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana ejen provokasi tidaklah tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah tidak menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

Standard pembuktian

70. (1) Apa-apa persoalan fakta yang diputuskan oleh mahkamah dalam prosiding di bawah Akta ini hendaklah diputuskan berdasarkanimbangan kebarangkalian.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubung dengan apa-apa persoalan fakta yang hendak dibuktikan oleh pihak pendakwaan dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya.

Kebolehterimaan keterangan dokumentar

71. Jika Pendakwa Raya atau mana-mana agensi penguat kuasa telah mendapatkan apa-apa dokumen atau keterangan lain dalam perjalanan kuasanya di bawah Akta ini atau menurut kuasa Akta ini, dokumen atau salinan dokumen atau keterangan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini, walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Kebolehterimaan pernyataan oleh orang tertuduh

72. (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah tentang sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu sama seperti suatu pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh pegawai mana-mana agensi penguat kuasa, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai lain agensi penguat kuasa itu atau mana-mana orang lain, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu, yang datang daripada seseorang di dalam agensi penguat kuasa itu dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut:

“Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas.....(kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya

sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu fakta itu ditulis, ini akan dilakukan.”.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada notis sedemikian disampaikan padanya jika notis sedemikian disampaikan padanya dengan seberapa segera yang semunasabahnya mungkin selepas pernyataan itu dibuat.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan padanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah dalam menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat disamakan seperti, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu merupakan suatu perkara matan.

(7) Tiada apa-apa jua pun di dalam subseksyen (6) boleh dalam mana-mana prosiding jenayah—

(a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau apa-apa reaksi lain tertuduh semasa apa-apa jua pun dikatakan dalam kehadirannya berhubung

dengan kelakuan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan itu akan boleh diterima selain oleh sebab subseksyen itu; atau

- (b) dikira sebagai menghalang pembuatan apa-apa kesimpulan daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain oleh sebab subseksyen itu.

Kebolehterimaan pernyataan dan dokumen orang yang sudah mati atau tidak dapat dikesan, dsb.

73. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai mana-mana agensi penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini; dan
- (b) apa-apa dokumen, atau salinan apa-apa dokumen, yang disita daripada mana-mana orang oleh seseorang pegawai mana-mana agensi penguat kuasa pada menjalankan kuasanya di bawah Akta ini,

hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini di hadapan mana-mana mahkamah, jika orang yang membuat pernyataan atau dokumen itu atau salinan dokumen itu sudah mati, atau tidak dapat dikesan atau ditemui, atau sudah menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak dapat diperoleh tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah tidak munasabah.

Kebolehterimaan terjemahan dokumen

74. (1) Jika apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini adalah dalam sesuatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahan dokumen itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah boleh diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertakan

dengan perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu ialah terjemahan yang tepat, benar dan betul dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak Pendakwa Raya atau seseorang pegawai mana-mana agensi penguat kuasa.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperoleh oleh Pendakwa Raya atau seseorang pegawai mana-mana agensi penguat kuasa di dalam atau di luar Malaysia.

Keterangan tentang undang-undang yang bersamaan atau undang-undang asing

75. (1) Sesuatu dokumen yang berupa sebagai dikeluarkan oleh atau bagi pihak kerajaan sesuatu Negara asing dan berupa sebagai menyatakan terma—

- (a) suatu undang-undang yang bersamaan yang berkuat kuasa di dalam Negara asing itu; atau
- (b) suatu undang-undang berhubung dengan suatu kesalahan berat asing yang berkuat kuasa di dalam Negara asing itu,

hendaklah boleh diterima sebagai keterangan bagi maksud membuktikan perkara yang disebut dalam subseksyen (2) dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini apabila dokumen itu dikemukakan oleh Peguam Negara atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya olehnya secara bertulis.

(2) Sesuatu dokumen hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi—

- (a) jika dikeluarkan oleh atau bagi pihak kerajaan Negara asing yang dinyatakan dalam dokumen itu;
- (b) bahawa terma undang-undang yang bersamaan itu atau undang-undang Negara asing itu adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen itu; dan

- (c) bahawa apa-apa fakta yang dinyatakan dalam dokumen itu sebagai membentuk suatu kesalahan di bawah undang-undang itu sememangnya membentuk kesalahan itu.

Bukti pensabitan dan pembebasan

76. (1) Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini, hakikat bahawa seseorang telah disabitkan atau dibebaskan bagi sesuatu kesalahan oleh atau di hadapan mana-mana mahkamah di Malaysia atau oleh suatu mahkamah asing hendaklah boleh diterima sebagai keterangan bagi maksud membuktikan, jika berkaitan dengan mana-mana isu dalam prosiding itu, bahawa dia telah melakukan atau tidak melakukan kesalahan itu, sama ada atau tidak dia menjadi suatu pihak kepada prosiding itu, dan jika dia telah disabitkan sama ada dia telah disabitkan sedemikian berdasarkan akuan bersalah atau selainnya.

(2) Mahkamah itu hendaklah menerima sabitan yang disebut dalam subseksyen (1) sebagai muktamad melainkan jika—

- (a) sabitan itu tertakluk kepada semakan atau rayuan yang belum lagi ditentukan;
- (b) sabitan itu telah dibatalkan atau diketepikan; atau
- (c) mahkamah mempunyai pandangan bahawa bertentangan dengan kepentingan keadilan atau kepentingan awam untuk menerima sabitan itu sebagai muktamad.

(3) Seseorang yang dibuktikan telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah dianggap telah melakukan perbuatan itu dan telah mempunyai keadaan fikiran, jika ada, yang di bawah undang-undang membentuk kesalahan itu.

(4) Apa-apa pensabitan atau pembebasan yang boleh diterima di bawah seksyen ini boleh dibuktikan—

- (a) dalam hal sesuatu pensabitan atau pembebasan di hadapan suatu mahkamah di Malaysia, dengan suatu perakuan pensabitan atau pembebasan, yang ditandatangani oleh Pendaftar mahkamah itu; atau
- (b) dalam hal suatu pensabitan atau pembebasan di hadapan suatu mahkamah asing, oleh suatu perakuan atau rekod

rasmi yang diperakui yang dikeluarkan oleh mahkamah asing itu dan disahkan dengan sewajarnya dengan meterai rasmi seorang Menteri Negara asing itu,

yang memberikan isi hal dan kesan pertuduhan itu dan pensabitan atau pembebasan itu.

Tanggung Rugi

77. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan, atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang lain terhadap—

- (a) pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan;
- (b) mana-mana pengarah atau pegawai pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, sama ada atas sifat peribadinya atau sifat rasminya; atau
- (c) mana-mana orang yang bertindak menurut undang-undang dalam mematuhi mana-mana arahan, petunjuk atau perintah seseorang pengarah atau pegawai pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan,

bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan, atau yang dimaksudkan untuk menurut atau melaksanakan, Akta ini atau mana-mana perintah bertulis, arahan, petunjuk atau benda lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

Penyampaian notis

78. Sesuatu surat yang mengandungi sesuatu notis atau dokumen lain yang hendak disampaikan oleh sesuatu agensi penguat kuasa di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah dialamatkan ke tempat

yang sepatutnya jika dialamatkan ke alamat yang akhir diketahui bagi penerima surat itu.

Pemeliharaan kerahsiaan

79. (1) Kecuali bagi maksud melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah Akta ini atau apabila dikehendaki dengan sah oleh mana-mana mahkamah atau di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis supaya dilakukan tiada seorang pun boleh menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara yang didapati olehnya dalam pelaksanaan kewajipannya atau penjalanan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat atau perkara yang pada pengetahuannya telah dizahirkan melanggar dengan subseksyen (1) boleh menzahirkan maklumat atau perkara itu kepada mana-mana orang lain.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian

80. Menteri Kewangan boleh, atas syor pihak berkuasa berwibawa, jika difikirkannya selaras dengan maksud Akta ini atau kepentingan awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan seseorang atau golongan orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Bahagian III atau IV bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri itu.

Pengubahsuaian

81. (1) Menteri Kewangan boleh, atas syor pihak berkuasa berwibawa yang hendaklah berunding dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memperuntukkan bahawa mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana bahagian peruntukan itu, yang dinyatakan dalam perintah itu, tidak terpakai berhubung dengan sesuatu

institusi kewangan luar pesisir atau hendaklah terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Terma perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) mestilah selaras dengan tujuan dan maksud Akta ini.

(3) Dalam seksyen ini, “pengubahsuaian” termasuklah pindaan, penyesuaian, perubahan, variasi, penambahan, pembahagian, penggantian atau pengecualian.

Bidang kuasa

82. (1) Mana-mana kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di dalam mana-mana pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia;
- (b) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di dalam mana-mana kapal udara;
- (c) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di mana-mana tempat di luar dan melepasi had Malaysia;
- (d) oleh mana-mana orang terhadap warganegara Malaysia;
- (e) oleh mana-mana orang terhadap harta kepunyaan Kerajaan Malaysia atau kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia yang terletak di luar Malaysia, termasuk premis diplomatik atau konsular Malaysia;
- (f) oleh mana-mana orang untuk memaksa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan;
- (g) oleh mana-mana orang tanpa negeri yang lazimnya bermastautin di Malaysia;
- (h) oleh mana-mana orang terhadap atau di atas suatu pelantar tetap semasa pelantar itu berada di pelantar benua Malaysia; atau
- (i) oleh mana-mana orang yang selepas pelakuan kesalahan itu berada di Malaysia,

bolelah diperlakukan seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, tiada pertuduhan tentang apa-apa kesalahan boleh disiasat di Malaysia melainkan jika seorang pegawai diplomatik Malaysia, jika ada pegawai sedemikian, di dalam wilayah tempat kesalahan itu dikatakan telah dilakukan memperakui bahawa, pada pendapatnya, pertuduhan itu sepatutnya dibawa di Malaysia; dan jika tiada pegawai diplomatik sedemikian, kebenaran Pendakwa Raya dikehendaki.

(3) Mana-mana prosiding yang diambil terhadap mana-mana orang di bawah seksyen ini yang akan menjadi galangan kepada prosiding yang kemudiannya terhadap orang itu bagi kesalahan yang sama jika kesalahan itu telah dilakukan di Malaysia hendaklah menjadi galangan kepada prosiding yang selanjutnya terhadapnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan ekstradisi atau penyerahan penjenayah buruan yang berkuat kuasa di Malaysia berkenaan dengan kesalahan yang sama di mana-mana wilayah di luar had Malaysia.

(4) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan “pemastautin tetap” mempunyai erti yang diberikan oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*].

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, dsb.

83. Pihak berkuasa berwibawa boleh, dengan berunding dengan pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan, mengeluarkan kepada sesuatu institusi pelapor apa-apa garis panduan, surat pekeliling, atau notis yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa yang sepenuhnya kepada atau bagi menjalankan peruntukan Akta ini dan terutamanya bagi pengesanan atau pencegahan perubahan wang haram.

Peraturan

84. (1) Menteri Kewangan atau Menteri Dalam Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa yang sepenuhnya kepada atau bagi menjalankan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan boleh dibuat—

- (a) bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki supaya atau dibenarkan untuk ditetapkan di bawah Akta ini;
- (b) bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan itu hendaklah menjadi suatu kesalahan;
- (c) bagi mengadakan peruntukan tentang pengenaan penalti bagi kesalahan itu yang tidak boleh melebihi denda sebanyak satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan
- (d) bagi mengadakan peruntukan tentang pengenaan penalti tambahan bagi kesalahan yang berterusan yang tidak boleh melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Pindaan Jadual

85. Menteri Kewangan boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama dan Kedua.

Kesalahan am

86. Mana-mana orang yang melanggar—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (b) apa-apa penentuan atau kehendak yang dibuat, atau apa-apa perintah bertulis, arahan, petunjuk, atau notis yang diberikan, atau apa-apa had, terma, syarat atau sekatan yang dikenakan, pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah atau menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, jika tiada penalti secara nyata diperuntukkan di bawah Akta ini atau peraturan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

Kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang bertindak atas sifat rasmi

87. (1) Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu persatuan orang, seseorang—

(a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau

(b) yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya,

pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukannya untuk mencegah pelakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan.

(2) Seseorang individu boleh didakwa bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) walaupun pertubuhan perbadanan atau persatuan orang itu tidak disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Subseksyen (1) tidak menyentuh tanggungan jenayah pertubuhan perbadanan atau persatuan orang itu bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen itu.

(4) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan sekiranya apa-apa perbuatan telah dilakukan atau ditinggalkan oleh orang itu sendiri melakukan kesalahan itu dan apabila disabitkan boleh dikenakan penalti yang sama andainya perbuatan itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh ejen atau pegawainya dalam masa perjalanan urusan ejen itu atau dalam perjalanan pekerjaan pegawai itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perbuatan itu.

Kesalahan oleh individu

88. Jika seseorang boleh dikenakan di bawah Akta ini sesuatu penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaihan atau keingkaran, dia boleh dikenakan penalti yang sama bagi perbuatan, peninggalan, keabaihan atau keingkaran pekerja, pengarah, pengawal,

atau ejennya jika perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh—

- (a) pekerjaanya dalam perjalanan pekerjaan pekerja itu;
- (b) pengarahnya semasa menjalankan fungsi seorang pengarah;
- (c) pengawalnya semasa menjalankan fungsi seorang pengawal; atau
- (d) ejennya apabila bertindak bagi pihaknya.

Pemalsuan, penyembunyian dan pemusnahan dokumen, dsb.

89. Seseorang, dengan niat untuk memperdaya, berkenaan dengan sesuatu dokumen yang akan dikemukakan atau diserahkan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, yang membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu catatan palsu, meninggalkan daripada membuat, atau menyebabkan supaya ditinggalkan, apa-apa catatan, atau mengubah, membuat cabutan, menyembunyikan atau memusnahkan, atau menyebabkan supaya diubah, dibuat cabutan, disembunyikan atau dimusnahkan, apa-apa catatan, memalsukan sesuatu dokumen, atau menggunakan atau memegang dalam miliknya suatu dokumen palsu, yang berupa sebagai suatu dokumen yang sah, mengubah apa-apa catatan yang telah dibuat dalam apa-apa dokumen atau mengeluarkan atau menggunakan suatu dokumen yang palsu atau tidak betul, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

Kesalahan boleh tangkap

90. Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini ialah kesalahan boleh tangkap.

Pencantuman kesalahan

91. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, jika seseorang dituduh melakukan lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh

dipertuduh dan dibicarakan dalam satu perbicaraan atas apa-apa bilangan kesalahan sedemikian yang dilakukan dalam apa-apa jangka masa.

Kuasa pihak berkuasa berwibawa untuk mengkompaun kesalahan

92. (1) Pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dengan menerima daripada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu apa-apa amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu, termasuk denda harian, jika ada, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Apa-apa wang yang dibayar kepada pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa yang berkaitan itu, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat.

Pendakwaan

93. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3, takrif “institusi pelapor”]

BAHAGIAN I

1. Perniagaan perbankan, perniagaan syarikat kewangan, perniagaan bank saudagar, perniagaan syarikat diskaun dan perniagaan pembrokeran wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*].
 2. Perniagaan perbankan Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*].
 3. Perniagaan kredit bangunan, perniagaan pembiayaan pembangunan, perniagaan pemfaktoran dan perniagaan pemajakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.
 4. Perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans, perniagaan pengajusteran dan perniagaan nasihat kewangan sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Insurans 1996 [*Akta 553*].
 5. Perniagaan takaful sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Takaful 1984 [*Akta 312*].
 6. Berniaga dalam sekuriti, sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], tetapi tidak termasuk aktiviti pemberian nasihat pelaburan oleh penasihat pelaburan sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
 7. Perniagaan pengurusan wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pengurusan Wang 1998 [*Akta 577*].
- **8. (*Ditinggalkan*)
9. Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh institusi yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].
 10. Aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*].

*CATATAN—Akta ini menggantikan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*] mula berkuat kuasa pada 28 September 2007 kecuali Penggal 2 Bahagian VI—*lihat* subseksyen 381(2) Akta 671 dan P. U. (B) 342/2007.

**CATATAN—Perkataan “perniagaan pembrokeran niaga hadapan” dan “perniagaan pengurusan dana niaga hadapan sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [*Akta 499*]” terhenti berkuat kuasa kerana “perniagaan pembrokeran niaga hadapan” dan “perniagaan pengurusan dana niaga hadapan” tidak ditakrifkan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang menggantikan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

11. Perkhidmatan kewangan pos sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 24(3) dalam Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*].
12. Perjudian yang dijalankan di dalam rumah judi terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*].
13. Pengeluaran instrumen pembayaran yang ditetapkan dan pengendalian sistem pembayaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003 [*Akta 627*].
14. Aktiviti yang dijalankan oleh seorang anggota sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Akauntan 1967 [*Akta 94*].
15. Aktiviti yang dijalankan oleh peguam bela dan peguam cara sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*].
16. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang diterima sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sabah 1953 [*Sabah Bab 2*].
17. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang diterima sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 [*Sarawak Bab 110*].
18. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai setiausaha sesuatu syarikat menurut seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].
19. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*].
20. Aktiviti yang dijalankan oleh suatu agensi totalizator sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [*Akta 494*].
21. Aktiviti yang dijalankan oleh suatu kelab lumba kuda sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 [*Akta 404*].
22. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang notari awam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*].
23. Aktiviti yang dijalankan oleh syarikat amanah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*].
24. Aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [*Akta 532*].
25. Aktiviti yang dijalankan oleh pemberi pinjam wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*].
26. Perniagaan pajak gadai sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [*Akta 81*].

27. Amalan agensi hartanah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen-Ejen Harta Tanah 1981 [*Akta 242*].
28. Pengurusan skim amanah saham atau skim pelaburan yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*] oleh suatu syarikat pengurusan.
29. Aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana orang, yang telah mendapat kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan kiriman wang di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*].
30. Aktiviti yang dijalankan oleh seorang pemberi pinjam wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Ordinan Pemberi Pinjam Wang [*Sabah Bab 81*].
31. Aktiviti yang dijalankan oleh pemberi pinjam wang yang didaftarkan di bawah Ordinan Pinjam Wang [*Sarawak Bab 114*].
32. Aktiviti urusaniaga logam berharga atau batu berharga yang dijalankan oleh syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan perniagaan yang ditakrifkan dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*].

BAHAGIAN II

1. Perkhidmatan kewangan luar pesisir sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 [*Akta 545*].
 2. Aktiviti yang dijalankan oleh suatu penganjur penyenaian dan suatu ejen perdagangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 [*Akta 579*].
-